


JANUARI 16-31, 2020

PENANG 2030

PERCUMA

# BULETIN MUTIARA

BERSATU DAN SETIA

www.buletinmutiara.com | buletinmutiara | ChowKonYeow | chowkonyeow | @ChowKonYeow

# Penyelenggaraan perumahan demi selesa rakyat

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**



**BERWAJAH baru, Flat Taman Free School antara yang pernah menerima manfaat dana penyelenggaraan pengecatan semula daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang.**

**GEORGE TOWN** – Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah meluluskan 48 Projek Penyelenggaraan Perumahan (PPP) dan Tabung Penyelenggaraan Perumahan Malaysia (TPPM) membabitkan peruntukan bernilai RM23.29 juta kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang baru-baru ini.

Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo yang mengumumkan perkara berkenaan pada sidang media bertarikh 14 Januari lalu menyifatkan ia sebagai 'hadiah' tahun baru kepada Pulau Pinang.

Menurut beliau, daripada dana RM100 juta yang diperuntukkan bagi PPP dan TPPM pada tahun 2020 oleh Kerajaan Pusat, kelulusan 48 projek berkenaan membabitkan sebanyak 25 peratus daripada keseluruhan dana telah diluluskan buat Pulau Pinang.

"Kerajaan Negeri telah buat permohonan secara rasmi untuk 137 projek bernilai RM100 juta pada tahun lalu (2019) iaitu 123 projek di bawah TPPM berjumlah RM72 juta dan 14 projek PPP (RM28 juta).



**JAGDEEP Singh Deo.**

"Daripada RM23.29 juta yang diluluskan, sebanyak RM14.51 juta melibatkan 15 jenis kerja penyelenggaraan di bawah PPP bagi projek perumahan awam Kerajaan Negeri.

"Manakala, bakinya RM8.78 juta yang diluluskan di bawah TPPM akan digunakan bagi membiayai projek-projek penyelenggaraan perumahan swasta negeri yang layak di bawah Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP)," ujarnya di sini.

Hadir sama, Datuk Bandar MBSP, Dato' Sr. Rozali Mohamud; Dato' Ir Addnan Mohd. Rozali (Setiausaha Bandaraya MBPP); Fakhurrazi Ibnu Omar (Ketua Penolong Setiausaha Seksyen Dasar dan Pembangunan Bahagian Perumahan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri) dan wakil-wakil daripada pihak berkuasa tempatan (PBT) negeri.

Demi kelangsungan penyelenggaraan perumahan awam dan swasta yang layak di Pulau Pinang, Jagdeep yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat berkata bahawa bagi tahun 2020, Kerajaan Negeri Pulau Pinang juga turut meluluskan tiga peruntukan besar sejumlah RM20.38 juta.

"Sebanyak RM8.58 juta diluluskan bagi kerja-kerja pembaikan dan penyelenggaraan semua perumahan awam termasuk PPR dan Rumah Sewa Kerajaan Negeri Pulau Pinang (RM5 juta).

"Di samping itu, sebanyak RM6.8 juta diperuntukkan bagi menyelenggara projek-projek di bawah perumahan swasta yang layak.

"Justeru, sehingga tempoh ini (14 Januari), satu peruntukan besar sejumlah RM43.67 juta telah diluluskan di peringkat Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat untuk manfaat warga Pulau Pinang setakat ini," jelasnya sambil menzahirkan ucapan ribuan terima kasih kepada pihak KPKT terutama Menterinya, Zuraida Kamaruddin.

Dalam pada itu, difahamkan bahawa pihak MBPP dan MBSP akan membuka tender dokumen dan tender sebut harga dalam tempoh terdekat bagi melaksanakan projek-projek penyelenggaraan berkaitan tahun ini.

Rozali memberitahu bahawa pihaknya dan MBPP menjemput mereka yang berminat untuk menyertai tender berkaitan.

"Semua projek penyelenggaraan ini akan dilaksanakan pada tahun 2020, justeru kita menjemput mereka yang berminat dan layak untuk menyertainya," seru beliau.

# OKU cacat penglihatan berpeluang ‘lihat’ gerhana matahari



CHRIS Lee Chun Kit (kiri sekali) memberi penerangan kepada jemputan khas berhubung fenomena gerhana matahari yang berlaku pada 26 Disember lalu melalui gelombang bunyi di sini.

Teks & Gambar : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**GEORGE TOWN –** Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Tikus, Chris Lee Chun Kit memuji inisiatif *Tech Dome Penang* (TDP) yang menyediakan platform kepada orang cacat penglihatan untuk ‘melihat’ fenomena gerhana matahari yang berlaku pada 26 Disember lalu melalui gelombang bunyi.

Menurutnya, perkara tersebut adalah selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri yang mahu menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah negeri yang mesra kepada semua golongan terutamanya orang kurang upaya (OKU).

“Saya amat gembira dan berbangga dengan usaha TDP dalam memberi peluang kepada individu OKU cacat penglihatan untuk merasai sendiri pengalaman cerapan gerhana matahari melalui bunyi.

“Serentak itu, saya juga berharap melalui inisiatif seperti ini, Pulau Pinang mampu muncul sebagai negeri pertama yang mempunyai kemudahan-kemudahan awam mesra OKU *(universal accessibility)* pada masa hadapan.

“Kita tidak mahu lagi golongan OKU ini hanya duduk di rumah sahaja, sebaliknya mereka boleh keluar ke mana-mana lokasi diingini tanpa pertolongan sampingan,’’ ucapnya pada Majlis Pencerapan Gerhana Matahari Separuh Bersama Golongan Cacat Penglihatan di TDP di sini.




Oleh: **AZMI HUSSIN**




# Dua laras meriam berusia lebih 260 tahun ditemukan

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**GEORGE TOWN** - Dua laras meriam dipercayai berusia lebih 260 tahun ditemukan secara tidak sengaja di tapak Projek Kerja-kerja Pengukuhan dan Penambahbaikan Tembok Laut di pesisir pantai utara, Jalan Tun Syed Barakbah dekat Padang Kota Lama di sini.

Menurut Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow, dua laras meriam tersebut ditemukan ketika kerja-kerja pengukuhan dan naik taraf tembok laut dijalankan dan ia merupakan penemuan yang baik.

"Apabila meriam pertama dijumpai (semasa Projek Ekskavasi dan Konservasi Kota Cornwallis dilaksanakan) pada 2018, kita (Kerajaan Negeri) merasakan ia satu-satunya meriam yang dijumpai.

"Tetapi sehingga kini, sebanyak enam laras meriam telah ditemukan di sekitar Padang Kota Lama di sini," ujarnya kepada pemberita sejurus mengadakan lawatan ke tapak penemuan di sini 3 Januari lalu.



CATATAN tahun '1757'.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pengkalan Kota, Daniel Gooi Zi Sen; Pesuruhjaya Warisan merangkap Ketua Pengarah Jabatan Warisan Negara, Mesran Mohd. Yusop; Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC), Datuk Dr. Noor Zari Hamat; Timbalan Pengurus Besar Unit Perbadanan Ketua Menteri (CMI), S. Bharathi serta wakil-wakil daripada Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), MOTAC dan Jabatan Warisan Negara.

Mengulas lanjut, Kon Yeow yang juga ADUN Padang Kota berharap pihak berwajib dapat menggunakan teknologi terkini dan canggih bagi mengesan tinggalan sejarah yang tertanam di sekitar kawasan Kota Cornwallis.

"Saya tidak bercadang untuk mengorek seluruh kawasan di Padang Kota Lama ini untuk kerja-kerja ekskavasi.

"Cuma secara kebetulan, sekiranya kerja-kerja menaik taraf seperti projek ini (Projek Kerja-kerja Pengukuhan dan Penambahbaikan Tembok Laut) dan menemui (artifak) maka ia merupakan penemuan yang baik.

"(Dan) semua kerja-kerja konservasi yang dilakukan di kawasan ini adalah mengikut Rancangan Kawasan Khas George Town yang merupakan usahasama Perbadanan Pembangunan dan Pemuliharaan George Town (GTCDC)," katanya.

Dalam pada itu, Mesran ketika ditemui menganggap penemuan dua laras meriam itu sebagai suatu titik yang cukup bermakna dalam melihat sejarah pembangunan negeri Pulau Pinang.

"Selepas ini, pihak Jabatan Warisan Negara akan bekerjasama dengan Universiti Sains Malaysia (USM) bagi menjalankan kerja-kerja konservasi jumpaan meriam dan hasilnya nanti akan menjadi suatu khazanah terhadap ketamadunan dan pembangunan negeri ini.

"(Dan) pihak kami juga akan bekerjasama dengan Kerajaan Negeri untuk meneruskan pencarian artifak yang mempunyai nilai sejarah tinggi," jelasnya.

Terdahulu, para pemberita berpeluang melihat sendiri penemuan dua laras meriam yang salah satunya tercatat angka '1757' dipercayai tahun asal.

Meriam yang berukuran antara 3.0 hingga 3.6 meter dan seberat kira-kira 3 tan (setiap satu) itu ditemukan pada 9 Disember serta 27 Disember lalu dan merupakan meriam terbesar ditemukan setakat ini.

Sebelum ini, pada 19 Februari 2018, dua laras meriam berkembar berlainan saiz iaitu 2.35 meter dan 2.2 meter serta tertera simbol 'GR' ditemukan di tapak arkeologi di Kota Cornwallis dan dipercayai digunakan pada era King George III.

Manakala, dua laras lagi ditemukan pada 24 Disember 2018 di bahagian selatan Kota Cornwallis.



**KETUA Menteri (tiga dari kanan) meneliti catatan angka '1757' pada salah satu meriam yang ditemukan ketika Projek Kerja-kerja Pengukuhan dan Penambahbaikan Tembok Laut di Esplanade di sini baru-baru ini.**



**RUPA bentuk meriam yang ditemukan.**

# CCTV dilengkapi fungsi analitik video, ke arah negeri selamat

**GEORGE TOWN** – Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) menyasarkan untuk memasang 528 kamera litar tertutup (CCTV) dilengkapi dengan fungsi analitik video pada tahun ini.

Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo berkata, langkah tersebut adalah bertujuan mengoptimumkan penggunaan CCTV dalam usaha menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah negeri yang selamat.

"Kerja-kerja menaik taraf CCTV yang berupaya mengesan dan mengenal pasti penjenayah ini akan membabitkan kos kira-kira RM12 juta.

"MBPP akan menambah baik fungsi analitik video dengan kerjasama IBM Malaysia Sdn. Bhd. yang mana komponen utama dapat mengesan kenderaan, pembuangan sampah secara haram, kawasan larangan tempat letak kereta dan sebagainya," ujarnya pada sidang media selepas meninjau CCTV di Jalan Perak dekat sini pada 4 Januari lalu.

Hadir sama, Pengarah Jabatan Kejuruteraan MBPP, A. Rajendran; Ahli Parlimen Jelutong, R.S.N. Rayer dan Ketua Polis Daerah Timur Laut, Asisten Komisioner (ACP) Soffian Santong.

Dalam perkembangan berkaitan, Jagdeep memaklumkan bahawa sehingga tahun lepas, sebanyak 935 CCTV yang turut dilengkapi sistem pengecaman wajah telah dipasang dekat beberapa lokasi panas di bahagian pulau dan Seberang Perai (136).

"Semua CCTV yang dipasang itu boleh dipantau oleh MBPP dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) selain Polis Diraja Malaysia (PDRM) di negeri ini.

"Setakat ini, kami berjaya membantu polis menyelesaikan kes samun wang RM231,000 di Sungai Nibong kerana terdapat CCTV di situ yang berjaya merakam dalang utama kejadian tersebut," katanya.

Dalam pada itu, Rajendran memberitahu bahawa menerusi fungsi analitik video tersebut, video dan gambar yang dirakam oleh CCTV adalah lebih jelas serta baik terutama ketika waktu malam, malah rakaman itu mampu disimpan sehingga 45 hari.

"CCTV yang ada sekarang ini adalah antara yang terbaik, namun dengan sistem analitik video, kita dapat terus mengesan sebarang kesalahan dengan maklumat dihantar terus kepada sistem untuk tindakan petugas," jelasnya.

Mengulas lanjut, Soffian menyatakan bahawa PDRM menyambut baik usaha Kerajaan Negeri untuk memasang lebih banyak CCTV yang dapat membantu pihaknya mengurangkan jenayah di negeri ini.

Ulas beliau, dengan bantuan CCTV, pihaknya berjaya menyelesaikan sekurang-kurangnya 10 kes jenayah di Daerah Timur Laut pada tahun lepas.

"Saya mencadangkan supaya lebih banyak kamera itu dipasang di lokasi strategik seperti kawasan bank, kedai-kedai emas dan tumpuan orang ramai," sarannya.



**JAGDEEP Singh Deo (dua dari kiri), R.S.N. Rayer (kiri sekali), Soffian Santong (tengah) dan A. Rajendran (kanan sekali) menunjukkan salah satu CCTV yang telah dipasang di Jalan Perak pada lawatan khas dekat sini baru-baru ini.**

# Karnival 'Maju Bersama' kukuh perpaduan antara masyarakat

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **ADUN**

**SEBERANG JAYA –** Karnival 'Maju Bersama' yang berlangsung dekat Taman Tunku, di sini pada 22 Disember lalu mendapat sambutan menggalakkan dengan dihadiri kira-kira 2,000 pengunjung.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya, Dr. Afif Bahardin berkata bahawa karnival yang dianjurkan bagi tahun kedua berturut-turut itu bertujuan memupuk perpaduan dalam kalangan masyarakat melalui pelbagai aktiviti.

Tambah beliau, karnival tersebut dianjurkan bersama antara Pusat Khidmat ADUN Seberang Jaya dan syarikat Prudential Malaysia Sdn. Bhd..

"Objektif utama penganjuran program ini adalah sebagai medium bagi masyarakat untuk memupuk perpaduan menerusi pelbagai aktiviti berbentuk kekeluargaan yang dijalankan.

"Selain itu, pengunjung juga didedahkan dengan maklumat-maklumat berkenaan program atau skim yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri terutamanya berkaitan sektor pertanian, industri asas tani, pembangunan luar bandar dan kesihatan.

"Justeru, selain dapat meluangkan masa bersama keluarga, pengunjung juga turut mendapat pengetahuan penting yang dapat membantu mereka dalam kehidupan seharian," ujarnya semasa merasmikan program berkaitan.



**PENAMPILAN Mawar Abdul Karim (tengah) yang mencuri tumpuan pengunjung pada penganjuran Karnival 'Maju Bersama' di sini baru-baru ini.**



**MENYAMPAIKAN sijil penghargaan kepada salah seorang pemenang Muay Thai Seberang Jaya Challenge.**

Turut hadir memeriahkan karnival berkenaan adalah usahawan terkenal Mawar Abdul Karim.

Dalam pada itu, Afif yang juga Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan berkata bahawa program tersebut akan diteruskan pada tahun akan datang berdasarkan sokongan menggalakkan yang ditunjukkan oleh masyarakat setempat.

"Sokongan yang kami terima daripada komuniti Seberang Jaya adalah sangat luar biasa. Oleh itu, saya dengan bangganya mengumumkan bahawa program ini akan diteruskan pada tahun depan," katanya.



**DR. Afif Bahardin (berbaju batik) merakam gambar kenangan bersama-sama pasukan COMBI Pulau Pinang pada penganjuran berkaitan.**

Difahamkan, karnival berkenaan berjalan serentak di seluruh 11 Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Seberang Jaya dari Taman Sembilang, Taman Tenggiri, Taman Siakap, Kampung Pertama, Kampung Belah Dua, Bandar Perda sehingga ke Permatang To' Kandu.

Antara aktiviti yang diadakan adalah pertandingan sepak takraw, program kayuhan bendang, pertandingan memasak, 'Fun Walk Maju Bersama' sejauh 5 kilometer, tarian zumba, pertandingan memancing, perlawanan futsal, Muay Thai Seberang Jaya Challenge serta banyak lagi.

# Jumlah penumpang kapal pesiaran catat peningkatan

**GEORGE TOWN –** Jumlah penumpang bagi kapal pesiaran di Pulau Pinang menunjukkan peningkatan sebanyak 95,000 orang atau 27.1 peratus pada tahun 2019.

Peningkatan itu menjadikan jumlah penumpang bagi kapal pesiaran yang dicatatkan di negeri ini adalah sebanyak 449,885 orang pada tahun 2019 berbanding hanya 354,047 orang pada tahun sebelumnya.

Mengulas lanjut, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa bilangan jumlah kapal juga menunjukkan sedikit peningkatan iaitu daripada 185 pada 2018 kepada 198 pada tahun lepas.

"Jumlah ini adalah berdasarkan statistik yang kita peroleh daripada pihak Penang Port Sdn. Bhd. (PPSB) pada 10 Januari 2020," katanya pada sidang media sebelum menyalakan lampu mini belon udara panas dekat Taman Bandar Arkeologi Sia Boey di sini pada 10 Januari lalu.

Hadir sama, Exco Pelancongan, Seni, Budaya dan Warisan, Yeoh Soon Hin; Pengerusi Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang, Jeffrey Chew Gim Eam dan Pengurus Besar Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang, Monaliza Suhaimi; Ketua Pegawai Eksekutif PPSB, Sasedharan Vasudevan serta Ketua Pegawai Eksekutif Penang Global Tourism, Ooi Chok Yan.

Tambah Kon Yeow, PPSB juga telah menandatangani usaha sama dengan *Royal Caribbean Cruises Ltd.* yang merupakan salah sebuah syarikat pelayaran terkemuka dunia pada September 2018 untuk menaik taraf Terminal Kapal Pesiaran Swettenham Pier (SPCT).

"Apabila SPCT dibangunkan semula, ia dijangka dapat meningkatkan jumlah kedatangan pelancong dan menjadi pemangkin dalam mewujudkan peluang pekerjaan serta memacu ekonomi Pulau Pinang," ujarnya.

Menurut Kon Yeow, kebanyakan penumpang yang tiba di negeri ini melalui SPCT adalah dari 10 negara utama iaitu Singapura, India, Indonesia, China, Australia, Jerman Barat, United Kingdom (UK), Amerika Syarikat, Korea Selatan dan Jepun

"Jumlah ketibaan penumpang dari negara-negara ini masing-masing menunjukkan peningkatan peratusan sebanyak dua angka pada tahun 2019 berbanding 2018, kecuali Indonesia yang hanya meningkat sebanyak 8.25 peratus.

"Lima negara teratas dengan peningkatan paling tinggi (2019 berbanding 2018) adalah dari Korea Selatan (75.82 peratus), UK (68.1 peratus), India (51.56 peratus), China (50.80 peratus) dan Australia (44.90 peratus)," jelasnya.

Dalam pada itu, Gim Eam memberitahu bahawa kerja-kerja menaik taraf SPCT dijangka akan dimulakan pada suku pertama tahun ini.

"Kami berhasrat untuk memperluaskan SPCT sehingga 400 meter bagi menampung kapal yang lebih besar serta boleh memuatkan 4,000 hingga 5,000 penumpang pada satu masa," katanya.

Difahamkan, pada tahun lepas terdapat lima kapal pesiaran yang membuat pelayaran sulung mereka ke SPCT iaitu *Pacific Jewel* (2,014 kapasiti) dan *Costa Luminosa* (kapasiti 2,826) pada bulan Mac, *Spectrum of the Seas* (kapasiti 4,200) pada Mei, *Mein Schiff 6* (2,534 kapasiti) dan *Norwegian Jade* (2,402 kapasiti) pada bulan Disember.

Port Statistics

Number of Vessels Berth

| TYPE | 2019 | 2018 | Percentage of Change (%) |
|---|---|---|---|
| | | International | |
| Home Port | 41 | 9 | 356% |
| Transit Cruise | 157 | 176 | -11% |
| Subtotal | 198 | 185 | 7% |

Number of Passenger

| TYPE | 2019 | 2018 | Percentage of Change (%) |
|---|---|---|---|
| | | International | |
| Home Port | 39,942 | 12,909 | 209.4% |
| Transit Cruise | 409,943 | 341,138 | 20.2% |
| Subtotal | 449,885 | 354,047 | 27.1% |

Source: Penang Port Sdn Bhd (Updated 8th Jan 2020)

*(Sumber: PPSB).*

Kapal-kapal besar yang membuat pelayaran ke SPCT pula adalah *Quantum of the Seas* dan *Ovation of the Seas* milik *Royal Caribbean Cruisers* serta kapal mewah *Queen Mary II* selain kapal persiaran terkenal *Costa Crociere, Princess Cruises* dan *Celebrity Cruises.*

# MBPP ubah 81 tanah lapang jadi kawasan rekreasi, taman kejiranan

**TELUK BAHANG -** Sehingga kini, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) telah mengubah 81 tanah lapang menjadi kawasan rekreasi serta taman kejiranan demi meningkatkan kualiti hidup rakyat teramai di negeri ini.

Pun begitu, Datuk Bandar MBPP, Dato' Ar. Yew Tung Seang berkata bahawa masih terdapat kira-kira 300 lagi tanah lapang untuk dimajukan bagi aktiviti-aktiviti penduduk setempat di bahagian pulau.

Beliau memberitahu Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo ketika berucap pada majlis perasmian pembukaan gelanggang bola keranjang di Taman Prestij 3 dekat Balik Pulau di sini pada 12 Januari lalu.

"Majlis (MBPP) telah mengubah 81 daripada kawasan tanah lapang (menjadi) taman kejiranan dan taman rekreasi (di bahagian pulau ini).

"Sebagaimana (projek mengubah tanah lapang menjadi kawasan rekreasi) di Taman Prestij 3 ini, diharap inisiatif ini akan memberi manfaat kepada penduduk Balik Pulau, juga kepada mereka yang tinggal sekitar Daerah Barat Daya ini," jelasnya sambil merakamkan penghargaan kepada Jagdeep kerana meluangkan masa merasmikan majlis berkenaan baru-baru ini.

Dalam pada itu, Jagdeep ketika berucap merakamkan penghargaan kepada MBPP terutama Datuk Bandar dan barisan Ahli Majlis bagi pihak berkuasa tempatan (PBT) berkenaan atas kejayaan mentransformasi 81 kawasan tanah lapang demi manfaat penduduk setempat.

"Saya begitu gembira mendengar bahawa PBT telah mengubah 81 tanah lapang menjadi taman kejiranan dan kawasan rekreasi, selaras dengan agenda Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang pada hari ini iaitu (Pulau Pinang) Bersih, Hijau, Selamat dan Sihat.

"Teruskan usaha dan kerja-kerja yang begitu bagus ini," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat.




JAGDEEP Singh Deo (empat dari kiri), Ar. Yew Tung Seang (tiga dari kiri), Ir. Addnan Mohd. Razali (dua dari kiri) serta beberapa Ahli Majlis MBPP merakamkan gambar kenang-kenangan di tugu utama Taman Prestij 3 pada majlis perasmiannya di sini baru-baru ini.

Setiausaha Bandaraya bagi MBPP, Dato' Ir. Addnan Mohd. Razali dan beberapa Ahli Majlis bagi MBPP turut sertai majlis ringkas tersebut.

Menurut Jagdeep, MBPP dalam perancangan menubuhkan empat lagi taman kejiranan pada tahun 2020 dengan peruntukan kira-kira RM2.5 juta.

"Taman-taman (kejiranan) yang akan dibangunkan ini adalah di Taman Semarak Api, Taman Lengkok P. Ramlee, Taman Medan Angsana dan Taman Bukit Jambul," ulasnya sebagai menjawab soalan pemberita.

Difahamkan, kos membangunkan taman kejiranan di atas tanah lapang berkeluasan kira-kira 2,139 kaki persegi di Taman Prestij 3 berkaitan menelan belanja sebanyak RM712,428.

Selain gelanggang bola keranjang, kemudahan rekreasi awam lain yang turut terdapat di sini adalah seperti laluan pejalan kaki, bangku-bangku fasiliti parkir basikal serta laluan khas untuk orang kurang upaya (OKU).

# Hasrat naik taraf Kuarters Kastam Bagan Jermal bakal dipertimbangkan MoF

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **ONG KOK HOAY**

**BAGAN JERMAL -** Kementerian Kewangan (MoF) akan mempertimbang hasrat permohonan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (Kastam) untuk menaik taraf tiga blok pangsapuri di Kuarters Kastam Bagan Jermal, Butterworth.

Menterinya, Lim Guan Eng berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan projek penarafan Blok 826 yang terdiri daripada lapan unit kediaman di sini pada 4 Januari 2020.

Beliau yang juga Ahli Parlimen Bagan memberitahu bahawa Kuarters Kastam Bagan Jermal dibina pada tahun 1969, tetapi, seakan-akan tidak dipulihara selama 25 tahun oleh Kerajaan Persekutuan terdahulu.

"Kita (Kerajaan Persekutuan) terkejut apabila melihat infrastruktur yang kita ada, terlalu memberi tumpuan kepada projek-projek membina bangunan baru tetapi pada masa sama mengabaikan bangunan lama.

"Pada hari ini (4 Januari 2020), saya menerima permintaan Kastam untuk menaik taraf tiga blok lagi, dan kita akan memberi pertimbangan wajar (atas permintaan jabatan persekutuan tersebut)," katanya.

Tambah Guan Eng, sepatutnya Kerajaan Persekutuan terdahulu melaksanakan pembangunan seimbang dengan tidak mengabaikan aset-aset kerajaan berupa bangunan lama di negeri ini.

"Kita perlu bersikap adil, jika kita mahu membina bangunan-bangunan baru, kita juga perlu menjaga 'orang-orang lama', ini harus menjadi prinsip bagi mana-mana organisasi dan kerajaan.

"Itulah sebabnya kerajaan mengamalkan 3R - memulihkan, membaiki dan menggantikan - supaya hayat nilai guna bangunan yang lama berfungsi dan boleh dilanjutkan lagi," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih.

Guan Eng memberitahu bahawa kos baik pulih Blok 826 menelan belanja kira-kira RM438,000, melalui proses tender terbuka dan dijangka boleh didiami semula bermula pada bulan depan.

Exco Belia dan Sukan, Soon Lip Chee yang juga ADUN Bagan Jermal; ADUN Bagan Dalam, M. Satees dan Ketua Pengarah Kastam, Datuk Seri Paddy Abd. Halim turut sertai program perasmian projek Persekutuan tersebut.



LIM Guan Eng (tengah) dan barisan jemputan menyempurnakan projek penarafan Blok 826 di sini baru-baru ini.

# Terus promosi Nibong Tebal, Jawi sebagai destinasi pelancongan

Gambar : **ADUN**

**JAWI -** Festival Spring Gala 2020 KADUN Jawi yang telah dimasukkan dalam senarai kalendar pelancongan sempena Tahun Melawat Pulau Pinang 2020 diharap mempromosi lagi kawasan Nibong Tebal sebagai salah satu destinasi pelancongan terbaru di negeri ini.

Justeru, Ketua Menteri Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang berharap komuniti setempat turut memainkan peranan masing-masing dalam mempromosi produk pelancongan negeri.



PERSEMBAHAN tarian singa yang mencuri tumpuan.

"Melalui *Experience Penang Year 2020* (EPY2020) dengan tema 'Kepelbagaian Asia' yang telah dilancarkan, Kerajaan Negeri berharap kepelbagaian program sebegini mampu menampilkan kelainan melalui warisan, budaya dan kesenian kepada pelancong tempatan serta antarabangsa.

"Pendekatan ini sekaligus memberi peluang kepada penduduk tempatan untuk menjana pendapatan," jelasnya ketika merasmikan Festival Spring Gala 2020 Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Jawi di Taman Nibong Tebal Jaya dekat sini pada 4 Januari.

Turut serta, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jawi, Jason H'ng Mooi Lye; Ahli Parlimen Nibong Tebal, Dato' Dr. Mansor Othman; Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Heng Yeh Shiuan; Ahli Jawatankuasa Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Jawi dan Jawatankuasa Pembangunan Wanita Kawasan (JPWK) Nibong Tebal.

Selepas penganjuran Festival Spring Gala 2020 berkaitan, Kon Yeow memberitahu bahawa ada lagi dua program besar yang akan dianjurkan di KADUN Jawi iaitu Karnival 'Timilar Tirunaal' dan Karnival Permainan Tradisional Kampung.

"(Dua program besar tersebut) masing-masing telah dijadualkan pada bulan Februari serta Mac nanti," ujarnya yang juga ADUN Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Tanjong.



KETUA Menteri dan Mansor Othman (berkemeja merah jambu) menyempurnakan gimik pelancaran Festival Spring Gala 2020 KADUN Jawi di sini baru-baru ini.

Dalam perkembangan lain, Kon Yeow menyatakan bahawa pentadbirannya berhasrat mewujudkan keseimbangan dalam aspek pembangunan antara bahagian pulau dan Seberang Perai.

"Kerajaan Negeri telah memperuntukkan perbelanjaan pembangunan infrastruktur hampir 70 peratus di Seberang Perai, sekaligus menafikan stigma masyarakat yang menyatakan Kerajaan Negeri meminggirkan masyarakat di Seberang Perai.

"Selepas kejayaan pembangunan di kawasan Batu Kawan, Kerajaan Negeri kini menumpukan pembangunan di selatan Pulau Pinang yang dilihat sangat berpotensi untuk dimajukan.

"Berlandaskan itu, Kerajaan Negeri telah mengenal pasti 17 lot tanah seluas 379.71 ekar di Ladang Byram bagi tujuan perindustrian serta pembangunan bercampur, sekaligus menyediakan lebih banyak peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan," ulasnya sambil memberitahu bahawa pelan pembangunan negeri bagi tempoh 11 tahun sehingga 2030 berlandaskan Visi Penang2030.

## Sukarelawan CPR-AED terima pengiktirafan

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**

**GEORGE TOWN –** Seramai 30 sukarelawan yang berjaya mempraktikkan latihan *'Cardiopulmonary Resuscitation'* atau CPR menggunakan *Automated External Defibrillator* (AED) menerima penghargaan daripada Kerajaan Negeri.

Sijil penghargaan tersebut disampaikan oleh Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow pada majlis sidang media di sini 8 Januari lalu.

Kon Yeow berkata, penghargaan tersebut adalah sebagai memberi galakan kepada anggota-anggota pasukan daripada badan-badan berkaitan yang telah bersama-sama dengan Kerajaan Negeri dalam menjayakan program *Penang Heart-Safe*.

"Seramai 30,000 individu daripada pelbagai peringkat komuniti telah didedahkan melalui sesi pendidikan serta latihan CPR-AED dari semasa ke semasa dan diharapkan usaha ini dapat diteruskan.

"Syabas dan tahniah diucapkan kepada pihak-pihak terlibat dan diharapkan pengiktirafan ini dapat menggalakkan lebih ramai anggota pasukan beruniform serta komuniti untuk mengambil peluang melibatkan diri dalam program yang penting ini," ujarnya.

Turut serta Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin; Phee Boon Poh (Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam sekitar); Yeoh Soon Hin (Exco Pelancongan, Seni, Budaya dan Warisan); Pengerusi Program Penang Heart-Safe, Datuk Dr. Luah Lean Wah; Komander St. John Ambulance Negeri Pulau Pinang, Datuk Dr. Yee Thiam Sun serta ramai lagi.

Dalam pada itu, Afif memberitahu bahawa sebanyak 64 mesin AED berjaya diletakkan di tempat awam, sekolah dan institusi-institusi awam di negeri ini sejak program tersebut dimulakan pada 2015.

"Seramai 25,000 penduduk di negeri ini telah mengambil bahagian dalam sesi latihan pendidikan CPR-AED yang dilaksanakan dari semasa ke semasa.

"Program yang bermanfaat ini telah mencapai beberapa kejayaan kerana telah menyelamatkan beberapa mangsa serangan jantung dalam tempoh dua tahun kebelakangan ini," jelasnya.

Afif menyatakan bahawa antara kes-kes yang telah berjaya diselamatkan adalah melibatkan pemain bola sepak berusia 49 tahun pada 2 September 2018.

"Selain itu, pada 30 Oktober 2019, seorang pemandu lori berumur 68 tahun yang mengalami serangan jantung juga berjaya diselamatkan, dan terbaru pada 24 November lalu melibatkan dua pelari masing-masing berusia 54 dan 59 tahun,'' ulas beliau.

## Kereta kabel Bukit Bendera masih dalam kajian pra kebolehlaksanaan

**GEORGE TOWN -** Sebarang keputusan mengenai projek pembinaan kereta kabel di Bukit Bendera akan dibuat sebaik sahaja kajian pra kebolehlaksanaan selesai dijalankan.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, pada masa ini kajian pra kebolehlaksanaan bagi projek berkenaan masih lagi berjalan.

"Kajian itu perlu dilengkapkan terlebih dahulu dan kemudian baru kita (Kerajaan Negeri) akan memikirkan idea yang lebih baik sama ada projek tersebut boleh dilaksanakan atau tidak," katanya pada sidang media di sini pada 8 Januari lalu.

Kon Yeow berkata demikian sebagai menjawab soalan daripada pemberita berhubung kenyataan Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) yang menyarankan agar Kerajaan Negeri supaya mengekalkan perkhidmatan funikular Bukit Bendera dan membatalkan hasrat membina kereta kabel.

Presiden CAP, Mohideen Abdul Kader dalam kenyataannya menggesa supaya kajian lengkap dan teliti, penilaian kesan sosial serta alam sekitar bagi projek kereta kabel di Bukit Bendera serta stesen Taman Botani itu dijalankan sebelum sebarang keputusan dibuat.

Terdahulu, semasa pembentangan Bajet 2020 tahun lepas, Menteri Kewangan Lim Guan Eng mengumumkan memperuntukkan berjumlah RM100 juta bagi pembangunan sistem kereta kabel Pulau Pinang.

# Tunggu Putrajaya muktamad mekanisme tetap tarif air baharu

**PERAI -** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa pentadbirannya telah menyatakan persetujuan terhadap hasrat Putrajaya untuk menaikkan tarif air supaya seragam di semua negeri.

Cuma, beliau menyatakan bahawa pentadbirannya sedang menunggu Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli untuk memutuskan mekanisme penetapan tarif air baharu, supaya Kerajaan Negeri boleh menetapkan kadar caj bagi semua kategori tarif yang diseragamkan tersebut kelak.

"Tujuan (kenaikan tarif air) adalah seragamkan di seluruh negara, jadi, kalau boleh dipersetujui (oleh semua Kerajaan Negeri), isu kedua adalah bagaimana (kadar caj) tarif itu ditetapkan.

"Apa yang berlaku sekarang adalah semua negeri ada mekanisme berlainan, mungkin ada enam atau tujuh kategori, cuma tujuan penyeragaman ini adalah untuk mewujudkan tiga tarif yang digunakan (iaitu) semua negeri menggunakan mekanisme sama, tetapi tertakluk kepada negeri masing-masing untuk menetapkan berapa sen bagi satu-satu kategori ini, itu patut ditentukan oleh negeri masing-masing.

"Sebenarnya sekarang, sistem mekanisme belum ditetapkan lagi, langkah pertama adalah Kerajaan Pusat perlu mendapatkan sokongan daripada Kerajaan Negeri untuk menyeragamkan mekanisme dalam menetapkan tarif, selepas itu barulah tiap-tiap Kerajaan Negeri menetapkan berapa kadar caj yang wajar ditetapkan.

"Pihak Kerajaan Negeri telah memberi persetujuan tentang cadangan mekanisme itu, sebab belum diputuskan, maka, kita (Kerajaan Negeri) belum masuk ke peringkat kedua (iaitu) untuk menetapkan kadar-kadarnya (caj bagi tiap-tiap kategori tarif yang baharu)," respons Kon Yeow yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Pengangkutan dan Komunikasi selepas merasmikan Majlis Pecah Tanah Projek Residensi GEM di sini pada 6 Januari 2019.

Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Perai; Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar merangkap ADUN Sungai Puyu, Phee Boon Poh; ADUN Bagan Dalam, M. Satees; ADUN Jawi, Jason H'ng Mooi Lye dan Datuk Bandar bagi Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Dato' Sr. Rozali Mohamud turut sertai acara tersebut.

Hadir sama, Konsulat Besar Republik Rakyat China Ke Pulau Pinang, Lu Shiwei; Pengarah Urusan Kumpulan Belleview, Datuk Sonny Ho dan Pengarah Urusan Kumpulan LTC, Lionel Cheng.

Terdahulu, Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Seri Aminuddin Harun berkata, tarif air di negeri itu masih kekal pada kadar sama dan tiada sebarang kenaikan bagi tempoh lima tahun ini.

Malah menurutnya, perkara tersebut sebagaimana terkandung dalam manifesto Pakatan Harapan (PH) Negeri Sembilan.

Bagaimanapun Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli, Dr Xavier Jayakumar memberitahu bahawa ada beberapa negeri sudah bersetuju dengan cadangan kenaikan tarif air tersebut dan ia akan dibawa ke Kabinet untuk kelulusan serta diumumkan dalam masa terdekat.



# Keperluan Persatuan Bomba Sukarela bakal diteliti

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **NUR AFIQAH ZAINUDI**

**BERAPIT -** Kelengkapan semasa Persatuan Bomba Sukarela di negeri ini akan diteliti oleh Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang demi meningkatkan lagi kualiti kesejahteraan hidup rakyat setempat.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata demikian ketika menyampaikan ucapan perasmian pembukaan operasi jentera bomba bertangki Persatuan Bomba dan Penyelamat Berapit Bukit Mertajam di sini pada 5 Januari lalu.

"Sememangnya banyak kali dalam mesyuarat Exco (Kerajaan Negeri), saya ada bertanya kepada pihak YB Phee Boon Poh (Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar) bagaimana Kerajaan Negeri dapat membantu (Persatuan) Bomba dan Sukarela di negeri kita.

"Setelah melawat kawasan ini, saya akan membawa balik (maklum balas awam) ke Mesyuarat Exco untuk melihat perkara ini, supaya pihak Kerajaan Negeri juga dapat memberi sedikit-sebanyak peruntukan bagi membolehkan Persatuan-persatuan Bomba Sukarela memainkan fungsi dengan secekapnya," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Tanjong pada majlis berkenaan pada 5 Januari lalu.

Beliau yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Pengangkutan dan Komunikasi memberitahu bahawa pentadbirannya akan berusaha menangani isu status tanah tempat balai Persatuan Bomba Sukarela yang masih belum 'selesai', sekiranya melibatkan tanah-tanah milik Kerajaan Negeri.

Bercakap pada majlis sama, Timbalan Menteri Belia & Sukan, Steven Sim Chee Keong berkata bahawa Kerajaan Pakatan Harapan Persekutuan hari ini sebenarnya begitu mengiktiraf kerja-kerja kebombaan dan penyelamatan yang dilakukan oleh anggota bomba serta ahli-ahli Persatuan Bomba Sukarela.

Melalui Belanjawan 2020 Kerajaan Pusat, menurut Chee Keong, seramai 14,000 anggota Bomba dan Penyelamat di seluruh negara akan menerima elaun kritikal bulanan sebanyak RM200.

Selain itu, tambah beliau, pihaknya selaku Ahli Parlimen Bukit Mertajam turut menyumbang RM50,000 untuk membantu Persatuan Bomba Sukarela Berapit Bukit Mertajam membeli jentera Bomba bertangki yang baharu ini.

"Dengan segala usaha ini, ia secara tidak langsung menjadi suatu pengiktirafan kepada semua anggota (Jabatan) Bomba dan Penyelamat di seluruh Malaysia, serta ahli-ahli Persatuan Bomba Sukarela terutama di kawasan (Parlimen) Bukit Mertajam," ujarnya yang juga ahli biasa Persatuan Bomba Sukarela Berapit Bukit Mertajam.

Sebelum itu, Pengarah Bomba dan Penyelamat Malaysia, YS Saadon Mokhtar menyatakan bahawa Kerajaan Persekutuan bermula pada pertengahan bulan Disember tahun lepas telah menyalurkan geran sebanyak RM1,500 kepada semua 35 Persatuan Bomba Sukarela negeri termasuk Persatuan Bomba Sukarela Berapit Bukit Mertajam.

"Fungsi (Persatuan) Bomba Sukarela ini, secara umum, adalah melakukan kerja-kerja pemadaman (kebakaran) dan penyelamatan sekiranya berlaku kebakaran, sebelum ketibaan anggota Bomba yang sebenar," ulas beliau.

Turut berucap, ADUN Berapit, Heng Lee Lee.




**KETUA Menteri bersama-sama Heng Lee Lee (tiga dari kanan) meneliti jentera bomba sejurus perasmian pembukaan operasi jentera bomba bertangki Persatuan Bomba dan Penyelamat Berapit Bukit Mertajam di sini baru-baru ini.**

# Pusat membeli-belah terbesar di wilayah utara bakal dibuka

**PERAI –** Tiga projek pembangunan bercampur yang terdiri daripada pusat membeli-belah terbesar di wilayah utara Semenanjung Malaysia, *'small office home office'* (SOHO) dan hotel akan dibina oleh pemaju, Kumpulan Belleview di atas tanah berkeluasan 20 ekar dekat Perai, dengan nilai pembangunan kasar kira-kira RM2.5 bilion serta dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2022.

Mengulas lanjut, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berharap projek pembangunan bercampur itu akan membawa sinergi baharu bukan sahaja dalam sektor pelancongan di Seberang Perai, bahkan (sektor) pelaburan negeri secara keseluruhannya.

"(Projek pembangunan bercampur ini) memang tarikan yang diperlukan, bukan sahaja buat pelancong, juga pelabur-pelabur, mereka yang datang membuat pelaburan di taman perindustrian ini.

"Lokasinya adalah sangat premium, ada ketersambungan yang sangat bagus, jadi, kita (Kerajaan Negeri) rasa ia akan menjadi suatu projek yang ada *'synergetic'*.

"Kawasan ini juga adalah lokasi yang telah wujud pelbagai pembangunan, mungkin boleh dikatakan (bahawa projek pembangunan bercampur ini) akan melengkapkan lagi pembangunan yang telah sedia wujud," jelasnya kepada pemberita selepas merasmikan Majlis Pecah Tanah Residensi GEM di sini pada 6 Januari lalu.

Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Perai; Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar merangkap ADUN Sungai Puyu, Phee Boon Poh; ADUN Bagan Dalam, M. Satees; ADUN Jawi, Jason H'ng Mooi Lye dan Datuk Bandar bagi Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Dato' Sr. Rozali Mohamud turut sertai acara tersebut.

Hadir sama, Konsulat Besar Republik Rakyat China Ke Pulau Pinang, Lu Shiwei; Pengarah Urusan Kumpulan Belleview, Datuk Sonny Ho dan Pengarah Urusan Kumpulan LTC, Lionel Cheng.

Sebelum itu, Kon Yeow ketika berucap antara lain turut menzahirkan rasa gembira kerana Residensi GEM akan menjadi pembangunan berorientasi transit (TOD) yang pertama di negeri ini.

Beliau dalam pada itu turut menzahirkan keyakinan dengan pelantikan firma milik pemerintah Republik Rakyat China iaitu *China Communications Construction Company* (CCCC) sebagai kontraktor utama bagi projek pembangunan bercampur yang terdiri daripada tiga fasa pelaksanaan tersebut.




**MODEL replika pembangunan yang bakal dijalankan.**

# Pulau Pinang bergerak ke arah komuniti tanpa tunai

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **LAW SUUN TING**

**GEORGE TOWN –** Pulau Pinang sedang menuju ke arah komuniti tanpa tunai sepenuhnya apabila aplikasi *Touch 'n Go* (TNG) *eWallet* dilancarkan secara rasmi baru-baru ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, Kerajaan Negeri mengalu-alukan transformasi tersebut yang dilihat bakal memudahkan lagi urusan pembayaran dalam pasaran tempatan.

"Menerusi pelancaran ini, ia membuka pintu kepada aplikasi 'tanpa tunai' untuk semua warga negeri sama ada pengguna mahupun peniaga.

"Saya gembira melihat banyak perniagaan tempatan telah mengamalkan dan melaksanakan *TNG eWallet* sebagai kaedah pembayaran digital yang membantu mereka berinovasi serta kekal relevan dalam landskap pasaran semasa.

"Ini merupakan inisiatif yang sangat baik oleh *TNG eWallet* untuk mengangkat Pulau Pinang sebagai negeri yang benar-benar mengamalkan transaksi tanpa tunai.

"Inisiatif ini juga memainkan peranan penting dalam mendorong masyarakat tempatan sama ada pengguna mahupun peniaga ke arah mengamalkan gaya hidup tanpa tunai," ucapnya pada majlis pelancaran aplikasi berkenaan di sini pada 3 Januari lalu.

Hadir sama, Exco Kerja Raya, Utiliti dan Tebatan Banjir, Zairil Khir Johari; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar merangkap Setiausaha Politik kepada Ketua Menteri, Teh Lai Heng; Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Wong Yuee Harng serta Pegawai Kewangan TNG, Wilson Soon.

Mengulas lanjut, Kon Yeow menjelaskan bahawa Pulau Pinang berada di kemuncak transformasi digital terutamanya selepas pelancaran Visi Penang2030.

"Visi ini merupakan sebuah pelan tindakan dinamik yang memberi tumpuan kepada peningkatan daya hidup, ekonomi, penyertaan masyarakat serta pembangunan seimbang untuk mencapai 'Negeri Pintar, Hijau dan Berteraskan Keluarga yang Menginspirasikan Negara'.

"Justeru, melalui pelancaran aplikasi *eWallet* ini, Pulau Pinang bakal menjadi sebuah negeri yang maju dan pintar pada masa akan datang.

"Ini adalah visi saya untuk menggerakkan Pulau Pinang ke arah bandar pintar serta maju dan seterusnya memberi inspirasi kepada negara untuk meningkatkan kemajuan dalam segenap aspek," ujarnya.

Serentak itu, Kon Yeow yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Pengangkutan dan Komunikasi menyatakan bahawa Kerajaan Persekutuan juga menggalakkan rakyat di negara ini untuk menerima gaya hidup pembayaran digital melalui inisiatif 'e-Tunai Rakyat' yang diperkenalkan baru-baru ini.

"Melalui inisiatif ini, peruntukan sebanyak RM30 diberikan kepada individu yang layak menerusi *TNG eWallet* mulai 15 Januari hingga 14 Mac 2020.

"Saya menyokong sepenuhnya usaha ini, dan saya ingin menggalakkan semua warga Pulau Pinang untuk mengamalkan gaya hidup tanpa tunai.

"Saya juga tidak sabar ingin melihat berapa lamakah masa yang diperlukan oleh Pulau Pinang untuk membentuk masyarakat tanpa tunai," jelasnya.



**KETUA Menteri, barisan kepimpinan Kerajaan Negeri dan wakil berkaitan menunjukkan aplikasi *TNG eWallet* sejurus majlis pelancaran aplikasi berkenaan di sini baru-baru ini.**

Dalam pada itu, Ketua Pegawai Eksekutif TNG Digital Sdn. Bhd., Ignatius Ong memberitahu bahawa pihaknya secara agresif memperkenalkan transaksi tanpa tunai seperti di bazar-bazar, pasar malam dan perusahaan kecil sederhana (PKS) di negeri ini.

"Kami memilih Pulau Pinang (dengan menekankan penyesuaian *TNG e-Wallet*) kerana negeri ini padat, masyarakatnya yang bijak dan paling penting adalah sokongan terbuka ditunjukkan oleh Kerajaan Negeri," katanya.

Selepas pelancaran tersebut, Kon Yeow dan barisan tetamu undangan berkesempatan meninjau beberapa gerai menjual makanan tempatan seperti char kuetiaw, laksa, sate dan ais kacang serta turut mencuba menggunakan aplikasi *TNG eWallet*.

Difahamkan, kaedah pembayaran digital kini boleh dilakukan di premis-premis perniagaan dan kedai penjaja di sepanjang jalan warisan utama di George Town seperti Pasar Chowrasta, Lebuh Armenian, Lebuh Nagore serta Pulau Tikus dan Tanjung Tokong.

## Inisiatif baharu PPSB bantu rancak pertumbuhan perdagangan

**BAGAN DALAM –** Penang Port Sdn. Bhd. (PPSB) memperuntukkan sejumlah RM350 juta untuk tempoh tiga tahun akan datang bagi membantu merancakkan lagi pertumbuhan perdagangan di pelabuhan Pulau Pinang pada masa hadapan.

Menteri Kewangan, Lim Guan Eng berkata, PPSB sejak dua tahun lalu telah membelanjakan RM300 juta yang menjadikan jumlah peruntukan keseluruhan dibelanjakan sehingga kini adalah sebanyak RM650 juta dalam usaha menjadikan pelabuhan Pulau Pinang sebagai pelabuhan berstatus antarabangsa.

Menurut beliau, antara inisiatif dibincangkan adalah untuk mendirikan satu Zon Perdagangan Bebas yang telah tertangguh sekian lama di bawah pentadbiran kerajaan terdahulu.

"Selepas pengambilalihan kuasa oleh kerajaan baru (Pakatan Harapan), maka perkara ini sedang diusahakan dan kita sedang menunggu Jabatan Ukur dan Pemetaan (JUPEM) untuk memberikan laporan akhir kepada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) sebelum ia dibentangkan kepada Kementerian Kewangan (Malaysia).

"Usaha ini akan membantu membangunkan pertumbuhan perdagangan di pelabuhan Pulau Pinang," ujarnya kepada pemberita selepas menghadiri sesi dialog bersama-sama pemegang berkepentingan dalam sektor logistik pelabuhan Pulau Pinang di Terminal Kontena Butterworth Utara (NBCT) dekat sini 12 Januari lalu.

Turut hadir, Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh; Exco Belia dan Sukan, Soon Lip Chee; Pengerusi Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang, Jeffrey Chew Gim Eam dan Pengurus Besarnya, Monaliza Suhaimi; Ketua Pegawai Eksekutif PPSB, Sasedharan Vasudevan serta Pengarah JKDM, Datuk Saidi Ismail.

Mengulas lanjut, Guan Eng menjelaskan bahawa aspek lain yang perlu juga dilihat adalah membangunkan pertumbuhan perdagangan di pelabuhan tersebut melalui perkhidmatan Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) dengan menggalakkan kuantiti perdagangan dari selatan Thailand ke pelabuhan tersebut.

"Berita baik pada tahun lepas, dari segi penguasaan pasaran telah mencatatkan peningkatan yang mana ramai pedagang atau pengeluar daripada selatan Thailand menghantar barangan mereka untuk dieksport menerusi pelabuhan Pulau Pinang.

"Jika sebelum ini hanya sekitar 60 peratus (2018), sekarang buat kali pertama ia meningkat kepada 72 peratus tahun lalu (2019) iaitu peratusan paling tinggi dalam sejarah," ulasnya.

Justeru, Guan Eng memberitahu bahawa pihak pelabuhan Pulau Pinang harus memastikan perkhidmatan terbaik dari segi kapasiti, kecekapan dan keberkesanan agar dapat menampung segala permintaan serta dapat menarik lebih banyak peniaga dari luar negara.

"Ada beberapa isu yang perlu diselesaikan terlebih dahulu dan sebuah jawatankuasa antara agensi kerajaan dipengerusikan oleh Jeffrey Chew (Gim Eam) telah ditubuhkan.

"Diharapkan dengan adanya jawatankuasa perundingan ini, ia dapat meningkatkan lagi perkhidmatan pelabuhan Pulau Pinang," katanya.



**LIM Guan Eng (tiga dari kanan) bergambar bersama-sama pihak berkaitan semasa lawatan kerja ke pelabuhan Pulau Pinang di sini baru-baru ini.**

Dalam pada itu, pada 11 Januari lalu, Guan Eng turut megumumkan kerja-kerja menaik taraf Terminal Kapal Pesiaran Swettenham Pier (SPCT) dekat George Town yang akan dimulakan pada awal bulan depan.

Menurut beliau, kerja menaik taraf tersebut adalah melibatkan kerjasama antara pelabuhan Pulau Pinang dan pihak swasta melalui empat fasa dengan kos sebanyak RM500 juta.

"Bagi memastikan ia terus berkembang, kita perlu memastikan infrastruktur sentiasa dalam keadaan terbaik bagi menerima lebih ramai pelancong dalam sektor pelayaran," katanya pada sidang media selepas melakukan lawatan kerja ke pelabuhan Pulau Pinang dan melihat operasi SPCT secara dekat.

Difahamkan, projek naik taraf di kawasan seluas 2.83 hektar itu akan membolehkan SPCT menerima kehadiran pengunjung sehingga tiga juta orang setahun.

## Ganti lif, naik taraf sistem pencegahan kebakaran demi penduduk

**PENGKALAN KOTA -** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berharap kerja-kerja menaik taraf dua lif serta sistem bomba di Blok 350, Gat Lebuh Macallum membawa kemudahan kepada penduduk setempat di sini.

"PDC telah meluluskan permohonan penduduk untuk menggantikan dua buah lif penumpang di blok ini dengan jumlah kos sebanyak RM651,900.

"Pada suatu ketika, cabaran yang dihadapi penduduk-penduduk di rumah pangsa, misalnya di Lebuh Macallum, adalah amat susah.

"Kalau nak minta penduduk keluarkan duit untuk kerja-kerja penyelenggaraan, memang susah, justeru Kerajaan Negeri sedar ini adalah suatu masalah yang perlu ditangani, yang membawa kepada penubuhan Tabung Penyelenggaraan (Maksimum 80 Peratus Pulau Pinang, TPM80PP)," jelasnya ketika turun meninjau projek penyelenggaraan lif serta sistem pencegahan kebakaran Bomba di sini pada 2 Januari 2020.

Di bawah PDC, Kon Yeow memberitahu bahawa 88.25 peratus atau RM575,301.75 daripada RM651,900 kos keseluruhan projek penyelengaraan tersebut adalah ditanggung oleh Kerajaan Negeri, sementara baki pembiayaan ditanggung oleh Perbadanan Pengurusan Blok 350, Gat Lebuh Macallum.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pengkalan Kota, Daniel Gooi Zi Sen dan Pengerusi Perbadanan Pengurusan Blok 350, Gat Lebuh Macallum, Henry Oh turut sertai Kon Yeow turun padang melihat projek yang telah siap tersebut.

# Projek infrastruktur rangsang ekonomi negeri, pacu peluang pekerjaan

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **EDMUND LEE**

**GEORGE TOWN –** Pulau Pinang bersedia untuk memiliki ekonomi yang lebih kukuh sekaligus memacu lebih banyak peluang pekerjaan, kata Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow.

Beliau berkata, terdapat banyak projek infrastruktur yang dijadualkan akan bermula tahun ini setelah proses kelulusan diperoleh.

"Antaranya pengembangan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (PIA), pengembangan Terminal Cruise Swettenham Pier, *Gurney Wharf*, projek lebuh raya pakej 2 dan projek transit aliran ringan (LRT) Bayan Lepas.

"Semua projek ini berjalan lancar yang mana ada di antaranya adalah di dalam proses tender serta menandatangani kontrak perjanjian.

"Projek-projek ini akan merangsang ekonomi dan membawa negeri ke tahap yang lebih tinggi serta kukuh," ujarnya pada sidang akhbar sejurus penganjuran program City Walk 1.1.2020 di sini 1 Januari lalu.

Kon Yeow sebelum itu bersama-sama isteri, Puan Tan Lean Kee turut menyertai 5,000 peserta lain mengambil bahagian dalam acara berjalan kaki di sekitar kawasan Tapak Warisan Dunia George Town sejauh lima kilometer (km).

Exco Belia dan Sukan, Soon Lip Chee; Datuk Bandar MBPP, Dato' Ar. Yew Tung Seang; Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) dan Ahli-ahli Majlis MBPP antara tetamu lain yang turut sama memeriahkan acara tahunan berkenaan.

Terdahulu, Kon Yeow yang juga ADUN Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Tanjong mengucapkan terima kasih kepada warga negeri di atas sokongan padu yang tidak berbelah bahagi bagi menjayakan program tahunan edisi kelapan berkenaan.

"Gembira dapat melihat semua lapisan masyarakat datang bersama-sama untuk memeriahkan acara ini pada hari pertama setiap tahun," ujarnya.

Bermula di Esplanade, Padang Kota Lama, para peserta berjalan kaki melalui Jalan Masjid Kapitan Keling, Lebuh Chulia, Jalan Penang dan Lebuh Armenian sebelum berakhir di Lebuh Pantai.



**BAHANG penganjuran yang turut dimeriahkan dengan sambutan Tahun Baru 2020.**



**KETUA Menteri dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri menyempurnakan gimik pelepasan para peserta penganjuran City Walk 1.1.2020 di sini baru-baru ini.**



Peminjam : MUHAMMAD NABIL FIKRI BIN BAHARUL AKMAR - 89041507****
24 JALAN JAMBU 2, TAMAN JAMBU, MACHANG BUBOK 14020 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : BAHARUL AKMAR BIN OMAR - 54011007****
NO. 24 JALAN JAMBU 2, TAMAN JAMBU, MACHANG BUBUK 14020 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : RUSLINAWATI BINTI IBRAHIM - 63022402****
NO. 24 JALAN JAMBU 2, TAMAN JAMBU, MACHANG BUBUK 14020 BUKUT MERTAJAM

No Akaun : 10751
Peminjam : BALQHIS BINTI KARIM - 88040406****
NO. 955 MUKIM 11, SUNGAI BATU, TELUK KUMBAR, BAYAN LEPAS 11920 PULAU PINANG
Penjamin 1 : SALINA BINTI HASSAN - 64122607****
NO. 18 LORONG SERI GENTING 2, TAMAN PONDOK UPEH, BALIK PULAU 11000 PULAU PINANG
Penjamin 2 : ISMAIL SHAH BIN A ABDUL RAZAK - 60072107****
769 MUKIM 2, TELUK BAHANG 11050 BALIK PULAU, PULAU PINANG

No Akaun : 10753
Peminjam : GOH THEE SIANG - 86080435****
8-3-7 PERSIARAN MAYANG PASIR 5, BANDAR BAYAN BARU, BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG
Penjamin 1 : GOH EU ENG - 56031407****
16-1-7 PESIARAN MAYANG PASIR 5, 11950 BAYAN BARU, PULAU PINANG
Penjamin 2 : GOH THEE YONG - 80120607****
6-1-4 PESIARAN MAYANG PASIR 5, 11950 BAYAN BARU, PULAU PINANG

No Akaun : 10765
Peminjam : MUHAMMAD LOKMAN HAKIM B MUHAMMAD HAMBALI - 87051738****
LOT 5076 JALAN DATO ANUAR MUSA 2, KAMPUNG PINANG SEBERANG 34600 KAMUNTING, PERAK
Penjamin 1 : MUHAMMAD HAMBALI BIN OSMAN - RF108***
LOT 5076 JALAN DATO ANUAR MUSA 2, KAMPUNG PINANG SEBERANG 34600 KAMUNTING, PERAK
Penjamin 2 : ZAMRI BIN ZAKARIA - T1077***
445 JALAN LEMBAH PERMAI 1/3, TAMAN LEMBAH PERMAI 08000 SUNGAI PETANI, KEDAH

No Akaun : 10770
Peminjam : SHAHIDAN BIN ZAINI - 87082707****
4-01- A LORONG DESA SENA 5, TAMAN DESA SENA 13300 TASEK GELUGOR,
Penjamin 1 : ZAINI BIN BIDIN - 61021008****
2333 PERMATANG BERANGAN 13300 TASEK GELUGOR, SPU
Penjamin 2 : MUHAMAD BIN SALLEH - 59092002****
NO. 467 LORONG 11, TAMAN NILAM, SUNGAI PETANI 08000 KEDAH

No Akaun : 10771
Peminjam : NURZATI NISRIN BINTI ZAINOL - 88061008****
A-9-3A PELANGI UTAMA CONDO, LORONG MASJID, BANDAR UTAMA 47800 PETALING JAYA, SELANGOR
Penjamin 1 : ZAINOL BIN HAMID - 59042407****
NO. 20 JALAN SRI PAUH 4, TAMAN SRI PAUH 02600 ARAU, PERLIS
Penjamin 2 : KHALIJAH BINTI AHMAD - 72012309****
NO. 19 LORONG SINTUK 2, TAMAN PERMATANG SINTUK 13100 PENAGA, SPU

No Akaun : 10775
Peminjam : FAIZA SURIA BINTI JAMALUDIN - 84030307****
NO. 343 LENGKOK PERDANA 8/4, SEKSYEN 8, BANDAR PERDANA 08000 SUNGAI PETANI, KEDAH
Penjamin 1 : JAMALUDIN BIN CHE DAN - 55032307****
8984 KAMPUNG MANGGIS 13400 SUNGAI PUYU, BUTTERWORTH
Penjamin 2 : FAIZAL WAJIDI BIN JAMALUDIN - 82072707****
BLOK B-G2 TAMAN BELIBIS 14100 SIMPANG EMPAT, SPS

No Akaun : 10776
Peminjam : NG PEK GEE - 86120307****
NO.74 TINGKAT KANCIL SATU, TAMAN HWA SENG, ALMA 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : NG SU HOCK - 58071306****
74 TINGKAT KANCIL 1, TAMAN HWA SENG 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : LIEW KUEN MEE - 68122507****
29 LORONG JERNIH 4, TAMAN JERNIH 14000 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 10779
Peminjam : INTAN ZALIKHA BT ZAINOL HIZAM - 87122835****
24 TINGKAT PAHLAWAN 14, TAMAN SENANGAN 13050 BUTTERWORTH
Penjamin 1 : SHAHRUL ANUAR BIN HASHIN - 64071607****
NO. 202 JALAN MERBAU 2/1, TAMAN MERBAU, TIKAM BATU 08600 SUNGAI PETANI, KEDAH
Penjamin 2 : ZULKIFLI BIN BAKAR - 64112107****
953 PERMATANG TINGGI B 13200 KEPALA BATAS, SPU

No Akaun : 10782
Peminjam : HASLINA BINTI NOOR MOHD SHAHR - 74111807****
3-1-37 LINTANG BAYAN 8, SERI DELIMA, SUNGAI ARA 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 1 : HALIMAH BINTI BIDIN - 61110207****
PLOT 9510 LILITAN BAYAN, KAMPUNG TERSUSUN, SUNGAI ARA 11950 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 2 : ZOLKEFLY BIN BIDIN - 67092307****
10E-6-6 PANGSAPURI HARMONI, JALAN KENNEDY 11600 PULAU PINANG

# Warga kerja PDC digesa gembleng tenaga depani cabaran 2020

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **LAW SUUN TING**

**PANTAI JEREJAK –** Seluruh warga kerja Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) digesa menggembleng tenaga bersama-sama sebagai satu pasukan bagi menangani cabaran yang lebih besar tahun ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, kerjasama di antara semua pasukan pengurusan dan warga kerja yang proaktif, cergas serta aktif akan membolehkan PDC bersedia mendepani apa jua cabaran sepanjang tahun 2020.

"PDC baru saja meraikan sambutan ulang tahun ke-50 pada tahun baru ini, justeru saya menggesa semua pihak di PDC untuk lebih proaktif dan bersama-sama bergerak sebagai satu pasukan.

"Semua pihak perlu bersatu dalam menangani apa jua cabaran supaya kita (PDC) dapat melaksanakan yang terbaik sepanjang tahun 2020.

"Apa yang PDC lakukan tahun ini akan menjadi landasan kukuh bagi kemajuan serta pencapaian yang lebih baik untuk tempoh 10 tahun akan datang," ujarnya yang juga Pengerusi PDC sempena Majlis Sambutan Hari Krismas dan Tahun Baru 2020 anjuran perbadanan berkenaan di sini 6 Januari lalu.




**KETUA Menteri berjabat tangan dengan Mohd. Bazid Abd. Kahar (berkemeja putih) sejurus tiba pada Majlis Sambutan Hari Krismas dan Tahun Baru PDC 2020 di sini baru-baru ini.**

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy; Phee Boon Poh (Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar); Chong Eng (Exco Pembangunan Wanita, Keluarga, Keterangkuman Gender dan Agama Selain Islam) dan Dato' Mohd. Bazid Abd. Kahar (Pengurus Besar PDC).

Mengulas lanjut, Kon Yeow yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Pengangkutan dan Komunikasi menjelaskan bahawa tanpa landasan yang kukuh, kemungkinan PDC tidak dapat memaksimumkan sepenuhnya keupayaan sebagai sebuah agensi pembangunan di negeri Pulau Pinang.

"Saya yakin melalui Pelan Strategik PDC yang telah diperincikan selama setahun ini, ia akan memainkan peranan penting dan signifikan untuk merealisasikan pelan-pelan tindakan yang telah digariskan," jelasnya.

Serentak itu, Kon Yeow memberitahu bahawa sebagai meneruskan tradisi sambutan perayaan dan tahun baru tersebut, PDC turut melaksanakan tanggungjawab sosial korporatnya (CSR) dengan menyalurkan sejumlah peruntukan kepada dua pertubuhan bukan kerajaan (NGO) di sini.

Persatuan Kebajikan Warga Emas Harmoni Pulau Pinang dan Pertubuhan Kebajikan Insan Penyayang Pulau Pinang masing-masingnya menerima peruntukan sejumlah RM1,500.

# Kerjasama Kerajaan Negeri, Pusat demi lindungi kebajikan warga emas

**GEORGE TOWN -** Selaras dengan Visi Penang2030: Negeri Pintar, Hijau dan Berteraskan Keluarga yang Menginspirasikan Negara, Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan terus bekerjasama dengan agensi-agensi Persekutuan dalam usaha membantu serta melindungi kebajikan warga emas di negeri ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, pendekatan tersebut termasuk memberi peluang kepada warga emas untuk menikmati pelbagai bantuan kebajikan yang ada di peringkat Kerajaan Persekutuan.

"Bagi pihak Kerajaan Negeri pula, melalui Program (Penghargaan) Warga Emas, kita (Kerajaan Negeri) telah menambah baik nilai bantuan kepada RM150 setahun yang mana kumpulan pertama akan menerimanya pada Mac tahun ini," ujarnya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis penyerahan angpow kepada kira-kira 2,000 warga emas terpilih sempena menyambut kedatangan Tahun Baru Cina tidak lama lagi.

Turut berucap, Presiden Che Hoon Khor Moral Uplifting Society Penang, Datuk Seri Lim Cheah Chooi selaku penaja utama pemberian angpow pada majlis yang berlangsung pada 12 Januari lalu.

Difahamkan, sebanyak 10 rumah kebajikan terpilih di negeri ini dipilih untuk menerima sumbangan sebanyak RM15,000 bagi setiap rumah kebajikan hasil kutipan daripada pesta jualan makanan anjuran *Che Hoon Khor Moral Uplifting Society Penang*.

Antaranya, *The Penang Home for the Infirm and Aged*; Persatuan Kesihatan Jiwa Pulau Pinang; Rumah Sejahtera Permatang Tinggi; Persatuan Pemulihan Orang-orang Cacat Negeri Pulau Pinang; Persatuan Pengajian Sadhu Vaswani dan Pertubuhan Perlindungan Kanak-kanak Pulau Pinang.

Selain itu, pihak *Che Hoon Khor Moral Uplifting Society Penang* juga akan mengunjungi empat rumah kebajikan terpilih bagi menyampaikan sumbangan.

Persatuan berkaitan adalah *Little Sister of the Poor*; *Relau Charis Home*; *Silver Jubilee Home* dan *The Penang Home for the Infirm and Aged*.

Dalam pada itu, Kon Yeow turut memuji usaha yang dilakukan oleh pertubuhan berkaitan dalam membantu golongan yang memerlukan acapkali tibanya musim perayaan.

"Syabas dan tahniah atas keprihatinan dan juga kerja amal yang dilakukan oleh persatuan selaras dengan Visi Penang2030.

"Saya berharap, bagi tahun-tahun akan datang semua dapat menikmati pembangunan yang lebih baik di negeri ini," zahirnya yang juga berkesempatan mengucapkan 'Selamat Menyambut Tahun Baru Cina' kepada hadirin.



# Kejayaan Pusat Sumber Alam Sekitar Taman Bagan Lalang wajar dicontohi

Teks & Gambar : **SUNARTI YUSOFF**

**SUNGAI PUYU –** Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Dato' Sr. Rozali Mohamud memuji peranan aktif dimainkan jawatankuasa Pusat Sumber Alam Sekitar Taman Bagan Lalang dalam menjalankan aktiviti pendidikan berkaitan program kitar semula.

Kata beliau, program-program yang dijalankan di pusat berkenaan mampu menyemai rasa tanggungjawab serta meningkatkan kesedaran dalam kalangan penduduk untuk memelihara serta memulihara alam sekitar.

"Difahamkan, Pusat Sumber Alam Sekitar Taman Bagan Lalang berjaya mengumpul dana sebanyak RM5,000 hasil daripada kutipan serta jualan barangan kitar semula untuk disumbangkan kepada lima pertubuhan sukarelawan.

"Selain itu, *'Growth Community Market'* yang diwujudkan di pusat ini membolehkan sayur-sayuran organik serta produk-produk kraftangan yang dihasilkan oleh komuniti setempat dapat dipasarkan.

"Usaha ini dilihat mampu menjadi platform yang baik bagi menggalakkan pembangunan ekonomi setempat terutama dalam aspek tanaman semula jadi selain dapat mengurangkan kesan jejak karbon.

"Justeru, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada penduduk Taman Bagan Lalang kerana menyokong semua inisiatif dilaksanakan oleh MBSP, dan diharapkan usaha kelestarian hijau ini dapat dijadikan contoh kepada komuniti-komuniti di Seberang Perai," katanya semasa merasmikan Karnival Sisa Sifar Sempena Sambutan Ulang Tahun Ke-10 Pusat Sumber Alam Sekitar Taman Bagan Lalang di sini 5 Januari lalu.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Puyu merangkap Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekita, Phee Boon Poh; ADUN Bagan Jermal merangkap Exco Belia dan Sukan, Soon Lip Chee; Ahli-Ahli Majlis bagi MBSP; Pengerusi Pusat Sumber Alam Sekitar Taman Bagan Lalang merangkap Pengerusi Jawatankuasa Penganjur Karnival Sisa Sifar, Lim Chee Keong serta ramai lagi.

Mengulas lanjut, Rozali menyeru agar lebih banyak kawasan perkampungan dan taman-taman perumahan di Seberang Perai mewujudkan pusat sumber alam sekitar atau pusat kitar semula sebagai usaha untuk mencapai sasaran bandar raya rendah karbon menjelang 2022.

"Buat masa ini, terdapat enam pusat sumber alam sekitar atau pusat kejiranan ditubuhkan di seluruh Seberang Perai yang menjalankan kegiatan berkaitan kitar semula, pendidikan alam sekitar, pengkomposan serta kebun kejiranan.

"Diharapkan seluruh komuniti dapat terus bersama-sama MBSP dalam menjadikan Seberang Perai lebih bersih dan indah serta sihat sejajar dengan cogan kata "Seberang Perai Aspirasi Bandar Masa Depan"," ujarnya.

Selain pameran hijau, karnival tersebut turut dimeriahkan dengan pelbagai aktiviti termasuk zumba, bengkel, kebun kejiranan, jualan sayuran organik dan produk kitar semula, persembahan pentas dan sebagainya.



**SOON Lip Chee (empat dari kiri) dan Sr. Rozali Mohamud (dua dari kiri) meneliti beberapa barangan yang dipamerkan bersempena penganjuran Karnival Sisar Sifar dekat Pusat Sumber Alam Sekitar Taman Bagan Lalang di sini baru-baru ini.**

Dalam pada itu, Lip Chee dalam ucapannya sebelum itu mencadangkan supaya program kitar semula dapat dijadikan sebagai salah satu silibus dalam mata pelajaran di sekolah-sekolah di negara ini.

"Kita boleh mulakan dengan memasukkan satu topik di bawah pengasingan sisa pepejal mulai dari sekolah rendah kerana perkara ini adalah amat penting untuk memupuk rasa cinta terhadap alam sekitar," kata beliau.

---

# MBSP hasrat perbanyak kawasan Eko Koridor

**SEBERANG JAYA –** Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) berhasrat untuk memperbanyakkan kawasan Eko Koridor bagi meningkatkan kualiti hidup penduduk di sini.

Datuk Bandar MBSP, Dato' Sr. Rozali Mohamud berkata, antara program yang bakal dilaksanakan di bawah inisiatif berkenaan adalah penanaman pokok dalam bentuk taman hutan atau *forest park*.

"Pada tahun 2020, kita (MBSP) akan memperbanyakkan kawasan Eko Koridor bukan sahaja di Permatang Nibong tetapi juga di semua kawasan bagi meningkatkan kualiti hidup penduduk Seberang Perai.

"Melalui inisiatif ini, penduduk boleh beriadah bersama keluarga dan pada masa sama dapat nikmati kehidupan yang lebih sihat.

"Selain menanam pokok sehingga membentuk *'treebank'*, kita juga akan menanam pokok buah-buahan sebagai kawasan *food bank* (bank makanan) pada masa akan datang," ujar beliau kepada Buletin Mutiara semasa ditemui pada Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Halaman Rumah Bersih dan Indah dekat Dewan Orang Ramai Permatang Nibong di sini pada 29 Disember 2019.

Hadir sama, Pengerusi PUSPANITA MBSP, Datin Che Halimah Ujang; wakil syarikat South Island Garment Sdn. Bhd., Lim Kok Heng serta komuniti setempat.

Pertandingan kali ini menyaksikan Saidah Chat dipilih sebagai juara bagi pertandingan tersebut dan seterusnya layak membawa pulang hadiah berupa sebuah televisyen yang disumbangkan oleh Syarikat South Island Garment Sdn. Bhd..

Dalam pada itu, Rozali membertahu bahawa Permatang Nibong berpotensi diangkat sebagai destinasi ekopelancongan berdasarkan keunikan-keunikan yang terdapat kawasan tersebut.

"Di Permatang Nibong ada banyak aset boleh ditonjolkan seperti sawah padi yang luas, burung-burung hijrah serta penduduknya mempunyai kemahiran anyaman seperti tikar mengkuang dan kini menggunakan barangan *upcycle* (guna semula)," jelasnya.




**SAIDAH Chat (kanan sekali) dipilih sebagai juara Pertandingan Halaman Rumah Bersih dan Indah Permatang Nibong di sini baru-baru ini.**




# Fagiano Okayama dedah pengalaman bakat muda bola sepak

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **CHRISTOPHER TAN**

**BUKIT TAMBUN** – Klinik Bola Sepak Akar Umbi Fagiano Okayama yang diadakan dekat Stadium Batu Kawan baru-baru ini memberikan pengalaman baru kepada 204 peserta yang mengambil bahagian di dalam program tersebut.

Program yang buat julung kalinya dianjurkan bersama dengan Yakult Malaysia itu bertujuan melahirkan lebih ramai pemain bola sepak profesional bawah 12 tahun.

Exco Belia dan Sukan, Soon Lip Chee berkata, program berkenaan telah membuka ruang kepada bakat-bakat muda di negeri ini untuk menimba ilmu baru mengenai sukan bola sepak.

"Ini merupakan kali pertama klinik bola sepak di Pulau Pinang dikendalikan oleh kelab antarabangsa.

"Justeru, saya berharap agar bakat-bakat muda kita dapat mengambil peluang ini sebaik mungkin untuk menimba ilmu bola sepak yang dibawa dari Jepun.

"Kita mahu semua peserta didedahkan dengan ilmu sukan berkaitan dengan sebaik mungkin serta menikmati keseronokan melalui latihan-latihan yang disediakan oleh empat jurulatih yang dibawa khas dari Fagiano Okayama," ujarnya semasa merasmikan program berkenaan di sini pada 21 Disember 2019.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Bakap merangkap Presiden Persatuan Bola Sepak Pulau Pinang (FAP) Dr. Amar Pritpal Abdullah; ADUN Pengkalan Kota, Daniel Gooi Zi Sen; wakil daripada kelab Fagiano Okayama, Kentora Mori serta Pengarah Urusan Yakult Malaysia Sdn. Bhd., Hiroshi Hamada.

Program dimeriahkan lagi dengan kehadiran pemain bawah 23 tahun skuad Malaysia yang beraksi untuk Fagiano Okayama, Muhammad Hadi Fayaadh Abdul Razak.

Dalam pada itu, Pengarah Urusan Yakult Malaysia, Hiroshi Hamada memaklumkan bahawa pelatih terbaik bagi program klinik bola sepak berkenaan berpeluang mengikuti latihan selama seminggu bersama Fagiano Okayama di Jepun.



PARA peserta klinik bola sepak diberi pendedahan teknik mengawal keseimbangan badan dalam sesi latihan Klinik Bola Sepak Akar Umbi Fagiano Okayama di sini baru-baru ini.








# Tahun Melawat Malaysia 2020, EPY2020 bermula!

Gambar : **EXCO**



TARIAN kebudayaan yang dipersembahkan di Balai Ketibaan PIA.



YEOH Soon Hin (dua dari kanan) melekatkan pelekat *'Visit Truly Asia Malaysia 2020'* pada salah sebuah kenderaan yang melalui tol di Jambatan Pulau Pinang pada 1 Januari lalu di sini.

**PERAI –** Sebanyak 500 pelekat khas yang tertera perkataan *'Visit Truly Asia Malaysia 2020'* diedarkan kepada pemilik kenderaan yang melalui tol di Jambatan Pulau Pinang 1 Januari lalu.

Exco Pelancongan, Seni, Budaya dan Warisan Pulau Pinang, Yeoh Soon Hin berkata, edaran pelekat khas itu adalah sebahagian daripada promosi kempen Tahun Melawat Malaysia 2020 (VM2020).

"Sempena pelancaran VM2020 pada 1 Januari 2020, kita mengambil inisiatif untuk menyantuni para pelawat dan pelancong dari dalam dan luar negara ke Pulau Pinang.

"Ia juga merupakan simbolik terhadap komitmen bukan sahaja Kerajaan Negeri malah jabatan serta agensi berkaitan bagi merealisasikan kempen pelancongan VM2020.

"Malah, melalui promosi seperti ini, ia akan merancakkan lagi usaha menarik perhatian pengunjung," ujarnya ketika ditemui bersama-sama pasukan kempen pelancongan VM2020 di lokasi kedua, Plaza Tol Jambatan Pulau Pinang dekat Perai baru-baru ini.

Terdahulu, Soon Hin bersama-sama Pengarah Pejabat Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (Pulau Pinang), Jonathan Freddy P. Bagang mengedarkan 1,000 beg cenderamata di Balai Ketibaan, Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (PIA) sebelum ke Plaza Tol Jambatan Pulau Pinang di sini bagi menyempurnakan pelancaran kempen VM2020.

Turut serta, Ketua Pegawai Eksekutif Penang Global Tourism, Ooi Chok Yan dan Eksekutif Kanan Operasi Malaysia Airports Berhad, Azmi Darus.

Mengulas mengenai kempen VM2020, Soon Hin memberitahu bahawa kempen tersebut dilancarkan serentak pada 1 Januari 2020 di 22 lokasi terpilih seluruh negara.

"Selain mengalu-alukan ketibaan pelawat dan pelancong ke Malaysia pada hari pertama tahun 2020, turut dilancarkan serentak adalah kempen *Experience Penang Year 2020* (EPY2020) di PIA.

"(Dan) bagi pihak Kerajaan Negeri, saya ingin menzahirkan penghargaan kepada pihak berkaitan yang menjayakan kempen pelancongan tahun ini ke arah memastikan bukan sahaja Malaysia, malah Pulau Pinang kekal sebagai destinasi pilihan pelancong," jelasnya.

VM2020 merupakan inisiatif peringkat nasional dalam melonjakkan nama Malaysia dengan sasaran 36 juta pelancong tahun ini.

Manakala EPY2020 pula adalah usaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam merealisasikan kempen VM2020 sekaligus menjadikan negeri ini antara negeri yang kompetitif dalam industri pelancongan negara.



SEBAHAGIAN pelancong yang disambut bersempena pelancaran kempen pelancongan VM2020 dan EPY2020 di PIA.

## Percikan bunga api membuka lembaran 2020



CAHAYA lampu menyinari bandar raya George Town.



PERCIKAN bunga api tepat pada jam 12 tengah malam.

Gambar : **LAW SUUN TING**

**SELAMAT TAHUN BARU...** PERCIKAN bunga api di bangunan tertinggi dekat Pulau Pinang, Kompleks Tun Abdul Razak (Komtar) tepat pada jam 12 tengah malam 1 Januari lalu menandakan bermulanya tahun 2020.

Rata-rata penduduk tempatan dan luar dari Pulau Pinang menyambut kedatangannya dengan penuh kemeriahan berserta azam baru.

Dari menara yang menjadi mercu tanda negeri Pulau Pinang, lampu percikan bunga api adalah amat indah, tidak kurang juga cahaya lampu yang menyinari seluruh Pulau Mutiara tercinta ini.

# Jayakan EPY2020!

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN** – Penganjuran julung kali, *Penang Grand Parade 2020* yang diadakan sempena pelancaran kempen pelancongan negeri *'Experience Penang Year 2020'* (EPY2020) berjaya menggamit perhatian bukan sahaja warga Pulau Pinang malah pengunjung dari luar.

Paling mencuri tumpuan adalah perarakan kereta berhias yang membawa logo rasmi EPY2020 tersergam indah dengan motif flora.

Bertepatan dengan slogan kempen 'Kepelbagaian Asia' atau *'The Diversity of Asia'*, pengunjung turut disajikan dengan pelbagai persembahan kebudayaan antaranya 'naga api', kumpulan tarian serta aksi chingay yang cukup sinonim dengan Pulau Pinang.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow yang hadir menyempurnakan perarakan kebudayaan besar-besaran itu berkata, penganjuran *Penang Grand Parade 2020* adalah sejajar dengan hasrat Kerajaan Negeri untuk merangsang pertumbuhan industri pelancongan negeri.

"Kerajaan Negeri komited untuk 'menyajikan' pelbagai elemen pelancongan termasuk warisan, budaya, sajian makanan serta keunikan yang terdapat di Tapak Warisan Dunia UNESCO dan tempat-tempat menarik lain.

"Saya percaya kempen EPY2020 pasti membuahkan hasil dalam mempromosikan Pulau Pinang sebagai destinasi pilihan percutian sama ada pelancong dari dalam negara mahupun antarabangsa.

"(Dan) *Penang Grand Parade 2020* dilihat mampu menyerlah keunikan serta kepelbagaian budaya masyarakat yang terdapat di sini," ujarnya pada perasmian acara tersebut di Padang Kota Lama di sini pada 1 Januari lalu.




**KERETA berhias yang mempromosikan EPY2020.**

Hadir sama, Exco Pelancongan, Seni, Budaya dan Warisan Pulau Pinang, Yeoh Soon Hin; Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Lancang, Ong Ah Teong dan Datuk Bandar bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Dato' Ar. Yew Tung Seang.

Mengulas lanjut, Kon Yeow berharap tahun 2020 menjadi tahun yang lebih baik dari segi pencapaian Pulau Pinang terutama dalam sektor pelancongan.

"Saya yakin rakyat di Pulau Pinang akan berganding bahu bersama-sama Kerajaan Negeri dalam memastikan sektor pelancongan negeri ini terus berkembang pesat.

"Saya bangga dengan kepelbagaian yang terdapat di Pulau Pinang dan rakyat masih dapat berkumpul dalam suasana aman serta harmoni untuk meraikan kepelbagaian budaya dan warisan yang ada (di negeri ini)," katanya.

Terdahulu, Kon Yeow memaklumkan bahawa statistik daripada Malaysia Airports Holdings Berhad merekodkan ketibaan penumpang sehingga November 2019 adalah seramai 7,555,275 penumpang berbanding tempoh sama tahun sebelumnya (2018) iaitu 7,032,974 penumpang, peningkatan 7.43 peratus.

"Manakala, statistik daripada Penang Port Sdn. Bhd. pula menunjukkan ketibaan kapal pelayaran penumpang ke Pulau Pinang meningkat 32.71 peratus, iaitu daripada 258,478 penumpang pada Oktober 2018 ke 343,039 penumpang tempoh sama tahun lalu (2019),'' jelasnya.

Bersempena penganjuran julung kali *Penang Grand Parade 2020*, pengunjung bukan sahaja dapat menikmati pelbagai persembahan kebudayaan malah juga penampilan pelawak terkenal, Gurmit Singh yang popular dengan watak 'Phua Chu Kang'.

Pemenang *UK Bhangra Award*, Kamal Chopra turut membuat penampilan istimewa sebelum acara tembakan bunga api mewarnai ruang angkasa di Padang Kota Lama sebagai simbolik bermulanya EPY2020.



**KETUA Menteri dan barisan kepimpinan negeri bergambar kenangan dengan aktor Phua Chu Kang pada penganjuran sulung *Penang Grand Parade 2020* di sini baru-baru ini.**

# Harap Chingay berkembang di seluruh negara serta Asia Tenggara

**BAGAN DALAM** - Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berharap seni Chingay dapat dikembangkan lagi di negeri-negeri lain di Malaysia.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Perarakan Chingay Pulau Pinang 2019 Ke-11 dekat Padang Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Jalan Bagan Luar di sini 22 Disember lalu.

"Perarakan Chingay merupakan pertunjukan rakyat dan budaya seni tempatan, justeru saya berharap ianya dapat dikembangkan ke lain-lain negeri lain di dalam negara ini, malah juga ke peringkat Asia Tenggara.

"Justeru, kita memerlukan sokongan serta penglibatan semua pihak bagi mencapai hasrat dan aspirasi ini," serunya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota pada majlis berkaitan.

Hadir sama, Exco Pelancongan, Seni, Budaya dan Warisan, Yeoh Soon Hin merangkap Pengerusi Majlis Perarakan Chingay Negeri Pulau Pinang; Exco Belia dan Sukan, Soon Lip Chee; ADUN Bagan Dalam, M. Satees dan Pegawai Penyelaras Khas Ketua Menteri, Lay Hock Peng.

Difahamkan, sebelum ini, perarakan sama telah berlangsung di bahagian pulau melibatkan penyertaan seramai 36 pasukan di Padang Kota.

"Pada penganjuran di sini, kira-kira 40 pasukan terdiri daripada 1,300 peserta mengambil bahagian dalam perarakan sejauh 4.5 kilometer dan bakal mengambil masa sekitar dua jam," jelasnya.

Perarakan adalah bermula dari Padang MBSP melalui Jalan Telaga Air dan Jalan Raja Uda kemudian terus ke *Tow Boo Kong Temple*, Butterworth.



**KETUA Menteri, barisan kepimpinan Kerajaan Negeri, ahli jawatankuasa dan para penganjur yang mengambil bahagian dalam Perarakan Chingay Pulau Pinang 2019 di sini baru-baru ini.**

# Tadika Whytehouse semai minat STEM pelajar

**TAHUN** 2020 di Pulau Pinang dimulakan dengan pembukaan tadika yang pertama kalinya ditempatkan di sebuah pusat sains di Malaysia.

Pusat tadika berkualiti tinggi ini adalah hasil usaha sama antara Whytehouse Education Group dan TechDome Penang yang dilengkapi dengan lebih 150 buah pameran sains. Tadika ini mampu memberikan peluang kepada pelajar prasekolah yang masih dalam tahap perkembangan awal untuk menerokai bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan and Matematik (STEM). Pendedahan awal ini akan membekal pelajar tersebut dengan pengetahuan dan kemahiran yang menyemai minat mereka dalam bidang STEM demi masa depan mereka.

Selain itu, kerjasama pintar antara Tech Dome dan Whytehouse ini merupakan langkah penting dalam mencapai keterangkuman gender di Pulau Pinang. Kajian dalam tahun 2018 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia mendapati bahawa 65% wanita memberikan sebab “menjaga keluarga” sebagai alasan utama mereka meninggalkan tenaga kerja.

Tadika ini dibuka kepada masyarakat di dalam dan di sekitar kawasan KOMTAR terutamanya kepada para penjawat awam. Ini bukan sahaja meringankan beban penjagaan anak untuk ibu bapa tetapi juga meningkatkan prestasi kerja mereka di tempat kerja. Kajian Harvard Business Review pada tahun 2017 mendedahkan bahawa syarikat-syarikat yang menyediakan amalan kerja yang baik, termasuk perkhidmatan pusat penjagaan kanak-kanak, dapat meningkatkan produktiviti sehingga 2.25 kali ganda. Satu tinjauan ke atas pengekalan pekerja oleh *Bright Horizons (Michigan State University)* juga mendapati bahawa 23% para ibu bapa menolak tawaran pekerjaan baharu atau menghindarkan diri daripada mengejar pilihan pekerjaan lain kerana menghayati manfaat mempunyai pusat penjagaan kanak-kanak di tempat kerja mereka.

Melalui kejayaan kerjasama ini yang membolehkan ibu bapa kekal dan berjaya dalam kerjaya mereka, kerajaan negeri dan PWDC berharap dapat memberi inspirasi kepada lebih banyak syarikat swasta untuk menubuhkan kemudahan pusat penjagaan kanak-kanak untuk pekerja mereka dalam usaha yang sama untuk menjadikan Pulau Pinang sebuah negeri yang maju dan makmur.



SUASANA pembelajaran di dalam bilik darjah.



PROGRAM pembelajaran berkumpulan yang dijalankan di tadika Whytehouse @ TechDome Penang.



SELAIN belajar, para pelajar turut didedahkan kepelbagaian kelengkapan mainan bagi meningkatkan kemahiran mereka.

## Penganjuran IWD 2020 ke arah keterangkuman gender

**DI** Pulau Pinang, tahun 2019 berakhir dengan anjuran satu kempen peringkat negeri yang bertujuan menghentikan keganasan terhadap wanita, yang terbesar di Malaysia.

Sempena pelancaran *Penang Goes Orange* (PGO), satu acara jalan kaki sejauh 2.6 km di Butterworth telah diadakan dan PGO berakhir dengan cabaran interaktif di Taman Tema ESCAPE. Kempen peringkat negeri ini telah berjaya dianjurkan dengan 38 Jelajah PGO di pelbagai lokasi komuniti di Pulau Pinang. Tujuan Jelajah PGO diadakan adalah untuk meningkatkan kesedaran orang ramai tentang gejalah keganasan seksual dan cara-cara menangani gelajah tersebut. Ini menepati tema PGO2019 iaitu ‘Hentikan Keganasan Seksual’. Sambutan dan sokongan berbagai pihak sangatlah menggalakkan. Rakan kerjasama meliputi syarikat-syarikat swasta, institusi-institusi pengajian tinggi, sektor awam dan NGO dalam usaha sama menjadikan Pulau Pinang negeri yang selamat untuk semua orang, terutamanya golongan perempuan dan wanita.

Melangkah ke hadapan, kerajaan negeri bersama PWDC sedang membuat persiapan lanjut untuk melancarkan kempen yang berikutnya, iaitu Hari Wanita Sedunia atau *“International Women’s Day”* (IWD) 2020 pada bulan Mac. IWD diperingati untuk meraikan pencapaian dan sumbangan golongan wanita dalam pelbagai bidang. Di peringkat negeri, kita menyahut panggilan untuk bertindak dalam mempercepatkan keterangkuman gender di Pulau Pinang. Tema IWD2020 Pulau Pinang ialah “Ku Demi Keterangkuman” atau *“I For Inclusiveness”*. Tindakan setiap individu mampu memberi kesan terhadap mewujudkan satu masyarakat keterangkuman gender yang mengiktirafkan dan meraikan pencapaian golongan wanita.

Oleh itu, negeri Pulau Pinang sekali lagi berharap dapat sokongan baik lelaki dan wanita mahupun yang tua dan muda dan OKU, untuk menyokong kempen tahunan ini.




INFOGRAFIK PGO 2019.

# *City Ride Goes Eco* terokai keindahan semula jadi Balik Pulau

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**PULAU BETONG –** Lebih 1,000 penunggang basikal menyertai program tahunan edisi kelima *City Ride Goes Eco* yang berlangsung dekat Balik Pulau pada 5 Januari lalu.

Acara pelepasan peserta disempurnakan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow bersama-sama Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Dato' Ar. Yew Tung Seang dan Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya merangkap Ahli Parlimen Balik Pulau, Muhammad Bakhtiar Wan Chik.

Kon Yeow berkata, selain menyemai amalan gaya hidup sihat dalam kalangan warga Pulau Pinang, pemilihan Balik Pulau sebagai lokasi utama penganjuran memberi peluang kepada peserta tempatan serta asing untuk meneroka kehijauan semula jadi yang terdapat di sepanjang laluan kayuhan.



**ANTARA peserta yang mengambil bahagian.**



**KETUA Menteri (berbaju hijau) bersama-sama Mohd. Tuah Ismail (depan, kanan sekali) dan Ar. Yew Tung Seang (kiri) memulakan kayuhan sebagai gimik pelancaran penganjuran edisi kelima *City Ride Goes Eco* di sini baru-baru ini.**



**PARA peserta tidak melepaskan peluang merakam keindahan panorama alam.**

"Ia adalah peluang bagi para peserta 'melarikan' diri daripada hiruk pikuk bandar sambil menikmati keindahan bahagian lain di Pulau Pinang.

"Sepanjang laluan kayuhan, para peserta dapat menikmati pemandangan sawah padi, seni bina rumah kampung, pemandangan kampung nelayan dan pokok-pokok semula jadi yang tumbuh menghijau.

"Kerajaan Negeri melalui pihak berkuasa tempatan (PBT) sejak tahun 2008 giat mempromosikan kegiatan berbasikal di negeri ini, Pulau Pinang komited dan berminat untuk menjadi sebuah negeri berbasikal," ucapnya sebelum melepaskan para peserta di Kompleks Sukan Balik Pulau di sini.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Betong, Mohd. Tuah Ismail.

Selain peserta tempatan, kayuhan sejauh 30 kilometer (km) tersebut berjaya menarik minat peserta antarabangsa dari negara luar seperti Switzerland, Thailand, Amerika Syarikat, Australia, Jepun dan Filipina.

Acara yang dianjurkan oleh MBPP dengan sokongan pertubuhan bukan kerajaan (NGO), *G Club Penang Cyclist* tersebut diadakan bagi menyemai gaya hidup sihat dalam kalangan rakyat Pulau Pinang.

# ADUN hargai ketabahan kakitangan MBPP

**AIR ITAM –** Kakitangan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) terutamanya yang berkhidmat di bawah Jabatan Perkhidmatan Perbandaran, Penguatkuasa dan Landskap adalah disifatkan sebagai insan yang sangat tabah.

Kenyataan tersebut dinyatakan oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam, Joseph Ng Soon Siang pada Majlis Kesyukuran & Penghargaan KADUN Air Itam dan Air Putih kepada golongan berkaitan di sini 7 Januari lalu.

Beliau berkata, tiga bahagian terpenting MBPP tersebut sentiasa berdepan dengan tugasan mencabar terutamanya apabila berurusan dengan orang awam.

"Kerja macam ini bukannya mudah, kadang-kadang berdepan dengan pelbagai karenah umum ketika menjalankan tugas demi kepentingan rakyat.

"Justeru, pada kesempatan ini, saya ingin menyeru kepada umum agar lebih sabar apabila berurusan kerana anggota-anggota MBPP hanya menjalankan tugasan diamanahkan.

"Sekiranya tidak berpuas hati, umum boleh membuat aduan kepada MBPP, dan ianya akan disiasat bagi tindakan lanjut," ucapnya pada majlis berkaitan.

Hadir sama, Setiausaha Bandaraya bagi MBPP, Dato Ir. Addnan Mohd. Razali.

Dalam majlis tersebut, kira-kira 120 kakitangan pihak berkuasa tempatan (PBT) berkenaan turut diraikan bersama-sama ahli-ahli Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) setempat.

Serentak itu, Soon Siang turut mengagihkan beras seberat lima kilogram (kg) masing-masing kepada jemputan berkenaan.

"Selagi mampu, saya akan teruskan lagi program ini di masa hadapan yang mana ia merupakan kesinambungan daripada apa yang saya laksanakan ketika berkhidmat sebagai Ahli Majlis MBPP dahulu," jelasnya sambil menyatakan bahawa program tersebut telah dijalankan selama dua tahun berturut-turut.



**JOSEPH Ng Soon Siang (berkemeja putih) dan Ir. Addnan Mohd. Razali (berkot) bersama-sama penerima sumbangan beras yang diadakan pada penganjuran Majlis Kesyukuran & Penghargaan KADUN Air Itam dan Air Putih di sini baru-baru ini.**

# Kebersihan sungai peranan semua

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **MUHAMAD RIADZ AKMAL RUSDANI**

**PADANG LALANG -** Dua projek bernilai RM100,000 yang dilaksanakan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Pulau Pinang telah dimulakan bagi menangani masalah sampah di Sungai Rambai dekat sini.

Jurutera Awam JPS Pulau Pinang, Mohd. Nasyarul Ahmad Rizan berkata, kedua-dua projek berkenaan akan berfungsi sebagai pencakar sampah bagi membendung permasalahan tersebut.

"Fasa pertama projek ini adalah melibatkan kerja-kerja pemasangan *'log boom'* sepanjang 30 meter dan siap sepenuhnya pada awal bulan ini (Disember), manakala fasa kedua melibatkan pemasangan 'poket sampah' yang dijangka siap pada Januari.

"Kedua-dua projek telah bermula sejak awal November dan kami berharap apabila fasa kedua selesai, ia boleh memerangkap sampah seperti pembungkus makanan, daun, plastik dan polistirena.

"Oleh itu, ia boleh menghalang sampah-sampah dari sungai ini daripada dialirkan ke ke laut," katanya kepada pemberita ketika mengadakan lawatan ke sungai berkenaan pada 24 Disember lalu.

Turut serta, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Lalang, Chong Eng.

Menurut Mohd Nasyarul, kedua-dua *'log boom'* pencakar sampah berkenaan mempunyai kemampuan untuk memerangkap sampah sehingga 80 hingga 120 kilogran (kg).

"Sampah-sampah ini akan dikumpul (oleh JPS) secara berkala untuk dihantar ke tempat pembuangan sampah atau pusat kitar semula," ujarnya.

Dalam pada itu, Chong Eng yang juga Exco Pembangunan Wanita, Keluarga, Keterangkuman Gender dan Agama Selain Islam berkata, penduduk perlu mengubah pemikiran mereka terlebih dahulu untuk memastikan kebersihan sungai kekal terjaga.

"Kita tidak boleh membuat apa-apa perubahan jika masyarakat tidak mengubah pemikiran mereka khususnya tentang cara mereka melihat sungai.



**CHONG Eng (kanan sekali) meninjau keadaan Sungai Rambai yang dipenuhi sampah-sarap di sini baru-baru ini.**

"Oleh itu, perubahan minda adalah sangat penting. Masyarakat perlu tahu cara untuk menguruskan sampah seperti membawanya ke pusat kitar semula dan bukan dengan membuang ke dalam sungai kerana pencemaran akan menyebabkan implikasi negatif lain.

"Jika kita tidak mahu menyelamatkan sungai kita, siapa lagi yang akan melakukannya untuk kita,? soal beliau.

## Segerakan bina kemudahan pejalan kaki demi keselamatan pelajar - ADUN



**HENG Lee Lee (barisan depan, empat dari kiri) bersama-sama pentadbir SMK Berapit, wakil JKR Negeri dan Persatuan Ibu Bapa dan Guru-Guru (PIBG) dalam sidang media di tapak fasa satu projek pejalan kaki di sini baru-baru ini.**

**BERAPIT -** Kos keseluruhan pembinaan projek pejalan kaki sepanjang sepanjang 1 kilometer (km) termasuk kerja-kerja menaik taraf sistem parit bertutup demi keselamatan pelajar ke Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Berapit dianggarkan menelan belanja kira-kira RM800,000.

Mengulas lanjut, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Berapit, Heng Lee Lee berkata, setakat ini fasa satu projek tersebut telah siap sepenuhnya.

Tambah beliau, bagi fasa pemajuan seterusnya adalah bergantung kepada kelulusan peruntukan bagi tahun 2020 di peringkat Jabatan Kerja Raya (JKR) negeri.

"Tinjauan yang dibuat mendapati 25 peratus daripada keseluruhan 1,363 pelajar di sekitar kawasan kediaman di sini boleh berjalan kaki ke sekolah, tetapi terpaksa memanggil ibu bapa membawa mereka pergi dan pulang dari sekolah dengan kenderaan kerana keadaan trafik jalan raya di sini adalah agak berbahaya.

"Lawatan yang dibuat ini adalah untuk melihat fasa satu projek pejalan kaki yang telah siap, ada beberapa fasa lagi, bergantung kepada kelulusan peruntukan di peringkat JKR.

"Saya harap semua fasa projek ini dapat disegerakan supaya orang awam terutamanya tahap keselamatan murid-murid yang berjalan kaki ke sekolah terjamin selamat," jelasnya dalam sidang media bersama-sama barisan pentadbir sekolah tersebut di sini pada 3 Januari 2020.

Lee Lee memberitahu bahawa pihaknya dalam beberapa persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang sebelum ini ada membangkitkan isu keselamatan murid-murid di sekolah tersebut kerana tiadanya infrastruktur pejalan kaki yang baik di sini.

Beliau dalam pada itu turut merakamkan penghargaan kepada Exco Kerja Raya, Zairil Khir Johari kerana segera meluluskan peruntukan berwajib untuk pembinaan fasa pertama projek pejalan kaki di sini.

## Pertukaran aliran trafik sehala di Jalan Khidmat

**TANJUNG BUNGA –** Perubahan aliran trafik dari dua hala ke sehala di Jalan Khidmat (berhampiran Jalan Tanjong Bungah dan Jalan Lembah Permai) oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) berkuat kuasa 24 Disember 2019.

Ahli Majlis MBPP, P.R. Kaliyappan berkata, penukaran aliran trafik berkenaan akan dilaksanakan selama tiga bulan sebagai tempoh percubaan bagi melancarkan lalu lintas di kawasan berkenaan.

Menurut beliau, MBPP banyak menerima aduan daripada penduduk di taman kejiranan berdekatan berhubung kesesakan yang berlaku dekat Jalan Khidmat.

"Kebanyakan aduan yang diterima adalah membabitkan pemandu yang enggan mematuhi peraturan lalu lintas.

"Selain perubahan aliran lalu lintas, MBPP juga akan menambah 10 lot parkir di kawasan ini serta menyusun semula kawasan (parkir) sedia ada," ujarnya sambil memberitahu bahawa ketika ini terdapat 34 lot parkir di kawasan berkenaan.

Dalam pada itu, Ahli Parlimen Bukit Bendera, Wong Hon Wai menyatakan bahawa penukaran lalu lintas kepada sehala adalah amat bertepatan ekoran jalan tersebut merupakan kawasan yang sibuk.

"Terima kasih MBPP, selain Jalan Khidmat, saya berharap Jawatankuasa Infrastruktur dan Lalu Lintas (MBPP) juga akan melihat kawasan lain seperti kawasan Pasar Awam Tanjung Bungah dan Mount Erskine bagi menyelesaikan masalah lalu lintas di sana," serunya yang turut serta dalam sidang media berkaitan.




**P.R. Kaliyappan (dua dari kiri) dan Wong Hon Wai (dua dari kanan) pada sidang media penukaran aliran trafik sehala di sini baru-baru ini.**

# Mangsa kebakaran Merbau Kudung terima sumbangan

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **ADUN**



IR. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman (empat dari kiri) menyerahkan sumbangan kepada salah seorang mangsa kebakaran di sini baru-baru ini.

**SUNGAI DUA –** Nasib tiga keluarga yang terlibat dalam kejadian kebakaran memperoleh perhatian khas daripada Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman di sini baru-baru ini.

Menurut beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pinang Tunggal, bantuan yang diusahakan melalui Pejabat Daerah dan Tanah bagi Daerah Seberang Perai Utara (SPU) adalah bagi memudahkan urusan untuk membantu mereka yang terlibat

"Selain lawatan khas, saya turut menyampaikan sedikit sumbangan kepada mangsa-mangsa terlibat.

"Diharapkan mereka tabah dalam menghadapi dugaan ini,'' katanya pada sesi lawatan di Merbau Kudung dekat sini.

Antara mangsa terlibat ialah keluarga Mohd. Najib Ramli, 41, dan dua keluarga warga asing dari Myanmar dan Indonesia.

Rumah berkembar separa batu dan papan itu dipercayai musnah dalam tempoh masa 15 minit ketika kejadian kebakaran pada pagi 5 Januari lalu.

Sebelum itu, Jabatan Kebajikan Masyarakat SPU turut memberikan bantuan awal bencana berupa tilam, bantal, selimut, tikar, kain pelikat, kain batik, kain tuala serta kit bencana kepada mangsa-mangsa terlibat.




AKPK

## Tahun 2020, rancang kewangan untuk ketenangan

**TAHUN** 2019 baru sahaja melabuhkan tirai dan 2020 datang dengan penuh cabaran. Pada tahun 1991 sewaktu pelancaran Wawasan 2020 oleh Perdana Menteri ketika itu, kita merasakan ia masih terlalu jauh dan sekarang kita telahpun melangkah ke tahun tersebut. Wawasan 2020 untuk menjadikan Malaysia sebagai negara maju ditunjangi dengan sembilan teras cabaran strategik yang mana salah satunya adalah pengagihan ekonomi yang adil dan saksama kepada setiap masyarakat yang berbilang bangsa dan agama. Dengan keadaan ekonomi global yang tidak menentu, kenaikan kos sara hidup, pemilikan rumah dan lambakan pekerja asing menjadi isu yang tiada kesudahan, 2020 tidak menjanjikan sesuatu yang mudah.

Persoalannya, bersediakah anda untuk mengharungi cabaran mendatang terutama dalam aspek kewangan? Cukupkah simpanan kecemasan anda untuk sekurang-kurangnya bertahan selama tiga ke enam jika ditakdirkan hilang punca pendapatan?

Jika tiada persediaan dan perancangan kewangan dari awal, anda mungkin panik dan tertekan jika tiba-tiba diberhentikan kerja. Dengan mulut anak-anak yang perlu disuap, ansuran kereta dan rumah yang perlu dibayar, bil-bil utiliti dan segala macam perbelanjaan lagi, hilang punca pendapatan boleh memberi tekanan yang hebat kepada seseorang ketua keluarga. Jika tidak ditangani dengan baik dan cermat, ia boleh membawa kepada permasalahan lain yang lebih besar seperti keruntuhan rumahtangga dan sebagainya.

Di sinilah pentingnya kita menabung untuk tujuan kecemasan dan juga persediaan bagi menhadapi keadaan di luar dugaan. Bagi mereka yang menerima bonus tahunan daripada majikan masing-masing, berhematlah dalam berbelanja dan simpanlah sebahagian daripada bonus tersebut sebagai tabungan kecemasan. Kenal pasti antara keperluan dan kehendak supaya kita tidak berbelanja keterlaluan semata-mata ingin memenuhi keinginan. Lengkapkan diri anda dengan ilmu pengurusan kewangan dan amalkanlah ilmu tersebut sebaik-baiknya bagi kesejahteraan kewangan anda.

**Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit** ataupun lebih dikenali sebagai **AKPK** merupakan satu agensi yang ditubuhkan oleh **Bank Negara Malaysia** pada tahun 2006 dan visi kami supaya rakyat Malaysia **mengamalkan pengurusan kewangan berhemat sebagai budaya hidup**. Salah satu daripada perkhidmatan AKPK adalah pendidikan kewangan di mana kami mengalu-alukan sesiapa sahaja untuk datang ke pejabat kami dan bertemu dengan kaunselor kredit kami untuk mendapatkan khidmat nasihat kewangan dan kredit.

Bagi mereka yang dikenalpasti mempunyai hutang-hutang di luar kawalan, kami juga menawarkan program penstrukturan semula pinjaman yang kami namakan sebagai **Program Pengurusan Kredit**. Semua perkhidmatan kami adalah percuma kepada individu dan kami tidak pernah melantik agen atau pihak ketiga untuk berurusan dengan kami. Untuk maklumat lanjut sila hubungi kami di talian **03-2616 7766** atau layari laman web kami di *www.akpk.org.my*.

Sila daftarkan diri anda secara atas talian di laman web kami dan buat tempahan temujanji bagi menjamin kelancaran sesi kaunseling tersebut.

Terima kasih.

Jabatan Komunikasi Korporat
Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit

# Fiesta Belon Udara Panas, JOM!




RAKAMAN dengan berlatarbelakangkan menara Komtar.

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**GEORGE TOWN -** Fiesta Belon Udara Panas Pulau Pinang 2020 (HAB2020) akan diadakan untuk kali keenam berturut-turut dekat Padang Polo pada 1 dan 2 Februari ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow semasa mengumumkan perkara itu berkata, acara yang dianjurkan sempena sambutan Tahun Baru Cina tersebut sesuai untuk semua lapisan masyarakat tanpa mengira kaum dan peringkat umur.

"Ramai pelancong datang ke negeri ini untuk mengalami kepelbagaian hebat di Pulau Pinang sama ada daripada segi adat budaya, warisan, seni atau persekitaran semula jadi seperti pantai berpasir, bukit yang menakjubkan serta pembangunan kawasan bandar.

"Hasilnya, sektor perkhidmatan termasuk pelancongan telah menyumbangkan hampir 50 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negeri, mengatasi industri pembuatan," katanya pada sidang media dekat Taman Arkeologi Sia Boey sempena prapelancaran HAB2020 dekat sini pada 10 Januari lalu.

Acara menarik itu diserikan oleh ratusan tanglung kecil berbentuk belon udara panas yang dinyalakan di sekitar taman tersebut.

Hadir sama, Exco Pelancongan, Seni, Budaya dan Warisan Yeoh Soon Hin; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar merangkap Setiausaha Politik kepada Ketua Menteri, Teh Lai Heng; ADUN Batu Lancang, Ong Ah Teong serta Ketua Pegawai Eksekutif Penang Global Tourism, Ooi Chok Yan.

Mengulas lanjut, Kon Yeow memberitahu bahawa HAB2020 bakal menampilkan 15 belon panas berwarna-warni dari 10 negara sepanjang sesi pagi dan petang acara tersebut.

"Pesta seperti HAB2020 merupakan salah satu komponen dalam merapatkan hubungan kekeluargaan yang juga merupakan salah satu dasar utama dalam Visi Penang2030," katanya.

Difahamkan, HAB2020 dianjurkan oleh AKA Balloon Sdn. Bhd. bersama-sama TLM Event Sdn. Bhd. dan disokong oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang serta turut mendapat kerjasama daripada Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) dan *Penang Global Tourism* (PGT).

Ketua Pegawai Eksekutif AKA Balloon, Izzati Nur Khairuddin memberitahu bahawa acara lain yang akan berlangsung sebelum majlis pelancaran ialah kemunculan belon panas dari beberapa lokasi di pulau dan Seberang Perai iaitu di Bayan Lepas, Paya Terubong, Butterworth serta Bukit Mertajam.

Tanpa menyatakan lokasi sebenar kemunculan belon panas itu, beliau menyatakan bahawa program tersebut akan diadakan pada 31 Januari di antara jam 7 pagi hingga 9 pagi.



**KETUA Menteri bersama-sama Yeoh Soon Hin (tiga dari kanan), Ooi Cheok Yan (dua dari kanan) pada Majlis Prapelancaran HAB2020 di sini baru-baru ini.**



**SALAH satu gimik pelancaran.**



SALAH seorang pengunjung tidak melepaskan peluang merakam gambar belon udara panas mini yang digantung di sini.